

Jilid II
Bil. 60



Hari Jumaat
26hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib—Mempengerusikan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 7 (3) [Ruangan 6217]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6217]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6235]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Jadual—

Kepala B. 29 dan B. 30 [Ruangan 6235]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Kepala P. 29 dan P. 30 [Ruangan 6235]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).

„ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.
(Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 26hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN (TIMBALAN) YANG DI-PERTUA

**Y.B. TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB—
MEMPENGKERUSIKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 7 (3)**

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Yang Berhormat Yang di-Pertua tidak ada di Kuala Lumpur hari ini, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 7 (3), saya telah minta Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru iaitu Encik Azahari bin Md. Taib untuk membantu saya bila-bila diperlukan.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

BAYARAN PENCEN

1. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa kerap kali pencen untuk pesara-pesara terlalu lambat dibayar mengakibatkan pesara-pesara mengalami kesusahan dan jika sedar apakah tindakan akan diambil untuk mempercepatkan bayaran pencen.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masih ada kes-kes di mana pencen telah lambat dibayar, tetapi berikutan dengan penyusunan semula yang telah dijalankan saya harap bahawa pembayaran pencen pada amnya, tidak mengambil masa yang begitu lama jika tiap-tiap pihak yang berkenaan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam hal ini Kerajaan sentiasa mengawasi pembayaran pencen dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi peraturan yang ada jika didapati sebarang kelemahan.

PERANCANG KELUARGA—FATWA ULAMA

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mengalu-alukan pendapat Alim Ulama' mengenai Perancang Keluarga. Adakah Kerajaan pernah meminta Fatwa dari Ulama' Islam mengenai Perancang Keluarga ini. Jika pernah, apakah Fatwa itu dan jika belum bilakah Kerajaan akan memintanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Dato' Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengalu-alukan Fatwa Hukum Islam yang sebenarnya mengenai Perancang Keluarga daripada Alim Ulama' yang bertauliah. Persidangan Alim Ulama' Sedunia telahpun membuat syor-syor mengenai Hukum ini berdasarkan Syariat Islam dan Kerajaan telahpun meminta Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia mengajikannya dengan teliti. Majlis itu telah membuat keputusan supaya perkara ini dirafakkan kepada Majlis Raja-raja untuk mendapat Fatwa yang disatukan. Majlis Raja-raja sudahpun menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa mengkaji perkara ini dan Jawatankuasa itu sudahpun selesai menjalankan tugasnya. Memorandumnya telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 14-10-1976. Keputusan telah diambil supaya Jawatankuasa Fatwa mengkaji dan menghalusi semula perkara ini.

Seperkara yang saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu rombongan yang terdiri dari para Alim

Ulama' yang mewakili negeri-negeri di Persekutuan akan membuat lawatan ke beberapa buah negara, terutamanya negara-negara Islam bagi tujuan mempelajari perkembangan agama Islam di negara-negara tersebut, terutama sekali dalam masalah Perancangan Keluarga.

Adalah diharapkan rombongan ini akan melakukan lawatan itu pada tahun 1977 hadapan ini. Insha Allah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa satu rombongan Majlis Ulama' akan melawat keluar negeri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi gambaran bahawa dalam rombongan ulama-ulama yang akan keluar negeri itu tidaklah terjumlah daripada ulama-ulama yang berat kepada sebelah pihak iaitu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat tidak boleh bertanya sesuatu yang direka-reka (hypothetical). Jadi, soalan itu tidak boleh dibenarkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan hasil keputusan mesyuarat Alim Ulama pada 14hb Oktober, 1976, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kedua, apakah perhatian yang diberi oleh Kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan perbezaan keadaan di negeri kita di mana umat Islam mempunyai peratus walaupun lebih tetapi tidak begitu banyak berbanding dengan keadaan di negeri lain yang umat Islam peratusnya adalah lebih tinggi apakala rombongan yang dijalankan oleh Kerajaan terdiri dari alim ulama untuk melawat negeri-negeri yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat pada 14hb Oktober, 1976 itu bukanlah mesyuarat Majlis Ulama tetapi ia mesyuarat Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia di mana telah dirujukkan Kertas Fatwa ini tetapi Majlis ini

sendiri sebelum dirafakkan kembali Ke-bawah Duli Majlis Raja-raja Melayu diminta supaya disiasat dan diselidiki semula supaya lebih kemas dan lebih sempurna.

Kedua, rombongan yang akan melawat beberapa negara Islam itu tidaklah bersangkutan dengan samada umat Islam itu majoriti atau minoriti tetapi masalah yang hendak dilakukan iaitu meninjau sejauh manakah amalan Islam telah dilakukan di mana negara itu ada minoriti Islam dan ada majoriti Islam terutama sekali dalam bidang perancangan keluarga.

UNIT KESELAMATAN SEMPADAN

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan iaitu dalam usaha mengawal keselamatan Negara di kawasan-kawasan sempadan sejauh manakah perkembangan Kerajaan untuk menubuhkan UNIT SEMPADAN BERSAMA bagi menyelaraskan usaha-usaha bersama Polis dan Imigresen. Nyatakan bila dan di manakah Unit Sempadan Bersama itu ditubuhkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai Unit Keselamatan Sempadan maka pihak Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan untuk menubuhkannya. Unit ini akan dianggotai oleh Jabatan Polis, Imigresen, Kastam, Pusat Biro Narkotik dan Lembaga Padi dan Beras Negara. Unit tersebut yang berpusat di Alor Setar dan Kota Bharu akan bergerak mulai awal tahun hadapan.

EKSPOT MINYAK KELAPA SAWIT/ PAPAN LAPIS MALAYSIA

4. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Negeri Perancis telah bersetuju hendak menarik balik sekatan yang dikenakan ke atas eksport barang-barang Malaysia seperti kain-kain, minyak, kelapa sawit, papan lapis yang masuk ke dalam Negeri Perancis. Jika tidak, adakah beliau bercadang mengambil tindakan yang sama untuk menyekat kemasukan barang-barang Negeri Perancis.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Negeri Perancis tidak mengenakan sebarang sekatan ke atas eksport minyak kelapa sawit dan papan lapis daripada Malaysia tetapi beberapa jenis kain seperti kemeja tenunan, kain tenunan daripada kapas, kain tenunan daripada serabut tekstail tiruan, pakaian luar, barang-barang rajutan atau berkait yang tidak menganjal atau "rubberised", jerseys, pullovers, cardigans, bed jacket, jumpers dan pakaian luar wanita, gadis serta kanak-kanak (selain daripada berajut dan berkait), seluar, jeans, breeches dan sebagainya telah dikenakan sekatan oleh Negara Perancis sejak 1hb November, 1975.

Sehingga ini pihak Perancis tidak menunjukkan sebarang tanda untuk menarik balik sekatan yang telah dikenakan ke atas eksport kain-kain dari Malaysia malah telah mengenakan sekatan ke atas eksport blouses dari Malaysia.

Kementerian telah mengambil tindakan mengkaji langkah-langkah yang terpaksa kita ambil bagi mengujudkan perhubungan perdagangan di antara kedua negara yang adil dan yang akan membawa keuntungan yang sama berfaedah di antara kedua negara. Negara Perancis saya percaya adalah menyedari hakikat kenyataan bahawa sebagaimana angka Perdagangan Kedua Negara ini membuktikan bagi tahun 1975. Negara kita adalah membeli lebih banyak barang-barang dari Negara Perancis daripada ianya membeli dari negara kita.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya hendak bertanya apakah tindakan Kerajaan terutama sekali Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mengatasi perkara kesulitan yang dihadapi oleh kita iaitu perhubungan antara Perancis dengan Malaysia dalam perkara ini, tidakkah Kerajaan hendak berunding dengan serta-merta, mengadakan rombongan dan sebagainya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Bagi permulaannya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada masa ini menghubungi Kementerian-kementerian lain yang berkenaan umpamanya Kementerian Pertahanan yang saya tahu telah membeli banyak senjata daripada Perancis.

Kementerian-kementerian lain juga telah banyak membeli alat senjata untuk kegunaan kita supaya semua Kementerian ini mempunyai kata sepakat, kalau boleh tidak lagi membeli barang yang saya sebutkan tadi daripada negeri Perancis selagi dia tidak mengubah kedudukannya menyekat memasukkan barang kita ke negaranya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa banyak barang-barang daripada negara kita ini disekat masuk ke negara Perancis. Apa yang saya ingin tahu, adakah kita menyekat barang-barang seperti ini juga daripada masuk ke negeri kita.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara Perancis yang mengimpot banyak barang-barang semacam ini daripada negara kita, kita tidak mengimpot kain-kain ini daripada negaranya. Dia tidak banyak mengeluarkan barang-barang semacam ini.

LAMPU JALAN

5. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan dalam masa Kerajaan menjalankan kempen menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, didapati bahawa dalam daerah Seberang Prai ada berpuluh-puluh lampu jalan menyala pada siang hari dan pagi hingga ke petang dan di waktu malam jalan-jalan itu gelap hingga pagi. Kejadian ini berlaku hingga tiga empat hari pada satu-satu tempat baru dibaiki. Dapatkah beliau memberi tahu pihak berkuasa manakah yang hendak dipertanggungjawabkan atas kejadian-kejadian itu, kerana ini menyebabkan rakyat mentertawakan sahaja kempen menjimatkan tenaga elektrik anjoran Kerajaan itu, dan tidak mendatangkan kesan langsung.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, lampu-lampu jalan mungkin kelihatan terpasang pada bila-bila masa di waktu siang oleh sebab-sebab berikut:

- (1) Penggantian perkakas mengawal lampu jalan dan pemasangan semula lampu-lampu yang memerlukan ujian dengan memasangnya selama satu-satu ketika;

- (2) Switch masa yang mengawal lampu-lampu jalan besar menyebabkan lampu-lampu terpasang pada siang hari dan padam pada waktu malam.

Semua Lembaga Letrik Negara Daerah telah diminta memastikan bahawa perkakas mengawal lampu jalan adalah dijaga dengan senggaraan yang baik dan membaiki dengan beberapa segera yang boleh mana-mana yang berlaku kerosakan. Pihak orang ramai adalah diminta melalui siaran akhbar-akhbar untuk bekerja dengan memberi tahu kepada pejabat-pejabat Lembaga Letrik Negara yang berhampiran melalui talipon sekiranya mereka dapati lampu-lampu jalan terpasang pada bila-bila masa di waktu siang hari. Dengan demikian, diharap penduduk-penduduk di Seberang Perai akan bekerjasama untuk menghubungi Pejabat Lembaga Letrik Negara yang berdekatan sekiranya didapati lampu-lampu jalan menyala pada siang hari. Dengan cara ini orang ramai dapat juga memberi sumbangan terhadap kempen menjimatkan tenaga.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam cara menjimatkan penggunaan tenaga letrik, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang mengambil langkah supaya lampu-lampu di jalanraya itu dipasang pada masa setakat pukul 1.00 malam sahaja, kemudian digunakan satu-satu lampu sahaja jaraknya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Perkara ini adalah sangat umum dan adalah payah kita hendak mengatakan "ya" ataupun tidak. Kalau tempat yang ditanya itu tidak ditentukan dimana. Kalau tempat itu ditentukan bolehlah kita periksa samada perlu kita mengikut cadangan itu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan meminta kerjasama daripada orang ramai, kalau didapati lampu-lampu terpasang di jalanraya beritahu kepada pihak Lembaga Letrik Negara. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

bolehkah atau tidak memberi nasihat kepada Lembaga Letrik Negara apabila orang ramai memberitahu, janganlah marah balik kepada orang ramai sebab banyak orang komplek apabila mereka beritahu, pihak L.L.N. kata: tidak ada kerja lainkah hendak ambil tahu hal Lembaga Letrik Negara sahaja. Tolong nasihatkan kepada Lembaga Letrik Negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahannya, bolehkah atau tidak Yang Berhormat Menteri memberi nasihat Lembaga Letrik Negara.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, boleh. Kalau Ahli Yang Berhormat itu beritahu siapa dia pegawai yang telah berkelakuan demikian silalah beritahu kepada saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia marah melalui talipon, dia tidak beritahu namanya siapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kalau begitu susahlah kita hendak ambil tindakan.

DOKTOR-DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

6. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor-doktor yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1974, 1975 dan 1976;
- (b) bilangan doktor-doktor baru yang diambil bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (c) rumusan dari kajian yang dibuat oleh kumpulan penyelidikan bebas yang telah dibiayai oleh Majlis Pengajian Tenaga Manusia Asia untuk mengetahui mengapakah doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan Kerajaan di Malaysia.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan doktor-doktor yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan termasuk perletakan jawatan, tamat perkhidmatan sementara atau kontrek dan bersara dalam tahun 1974, 1975 dan 1976 ialah:

1974	...	157
1975	...	158
1976	...	150 sehingga 15-10-76

- (b) Bilangan doktor-doktor baru yang diambil bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan bagi tahun-tahun 1974, 1975 dan 1976 iaitu:

1974	...	348 orang
1975	...	312 orang
1976	...	300 orang (sehingga 15-10-1976)

- (c) Mengenai kajian yang dibuat oleh Kumpulan Penyelidikan bebas yang telah dibiayai oleh Majlis Pengajian Tenaga Manusia Asia untuk mengetahui mengapakah doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan Kerajaan di Malaysia, Kementerian saya belum menerima sebarang rumusan dari kajian tersebut setakat ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa di antara mereka yang berhenti dalam tahun 1974 dan 1975 termasuk mereka yang meletak jawatan secara beramai-ramai serentak daripada Universiti Kebangsaan. Jika benar, adakah sesuatu sebab mereka berhenti beramai-ramai lebih kurang seramai 6 orang.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya tidak berapa sedar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat berkehendakkan notis?

Tuan Jawan anak Empaling: Ya.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah dengan pemberhentian doktor-doktor itu telah mengurangkan kecekapan perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tidak payah ditanya. Kalau sudah kurang doktor maka kuranglah perkhidmatan yang diberikan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan daripada jumlah doktor-doktor yang berhenti itu misalnya dalam tahun 1974 seramai 157 orang dan berikutnya itu, adakah ini termasuk doktor-doktor yang mendapat biasiswa daripada Kerajaan.

Tuan Jawan anak Empaling: Untuk menjawab soalan itu dengan teliti, Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis juga sebab tidak ingat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lain kali soalan tambahan yang semacam ini mesti disiapkan dahulu jawapannya.

TOL JALAN SLIM RIVER

7. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam adakah beliau sedar bahawa jumlah wang yang dikutip di Tol Jalan Slim River telah jauh berlebihan dari kutipan matlamat asalnya. Jika benar, adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan Tol itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya tidak ada matlamat asal yang ditetapkan untuk kutipan tol dibuat di Rumah Tol Slim River. Walau bagaimanapun, memang benar bahawa jumlah kutipan telah melebihi kos pembinaan jalan dan rumah tol yang berkenaan itu. Saya ingin memaklumkan bahawa soal kutipan tol di Rumah Tol Slim River ini adalah sedang dalam kajian.

POLIS WANITA LAUT

8. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau bercadang menubuhkan Yunit Polis Wanita Laut, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang seakan-akan sama telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Silam dalam Mesyuarat Dewan Rakyat pada 16-4-76 dan telah dinyatakan bahawa perkara ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pasukan Polis di Raja Malaysia sedang dalam proses pembesaran dan segala rancangan penubuhan yunit-yunit baru, termasuk Yunit Polis Laut Wanita, adalah diselaraskan dengan proses pembesaran ini.

SUARA MERDEKA/LATIHAN KADER RISDA

9. Wan Zainab binti M. A. Batkar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan lapuran surat khabar Suara Merdeka mengenai rancangan latihan kader Risda, samada beliau sedar atau telah memberi persetujuan menggunakan buku-buku dan penerbitan-penerbitan yang mengandungi fahaman komunis dan sosialis; jika tidak, nyatakan apakah tindakan yang beliau telah ambil.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, tuduhan-tuduhan ini adalah tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku berkaitan dengan kegiatan pembangunan masyarakat RISDA telahpun Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama jelaskan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 26hb Oktober, 1976.

SISTEM PERTAHANAN UDARA BERGABUNG (INTEGRATED AIR DEFENCE SYSTEM)

10. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang atau yang akan diambil untuk mengawal ruang angkasa kita dari pencerubuhan laut demi untuk menjaga keselamatan negara.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab soalan No. 10—soalan ini ada perkataan yang keliru sedikit iaitu “pencerubuhan laut”, saya anggap ini

adalah “pencerubuhan luar”. Oleh itu, terjemahan dalam bahasa Inggeris pun telah diubahsuai dengan perkataan “pencerubuhan luar”.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah untuk meninggikan taraf kebolehan pertahanan udara negara dengan mengadakan sistem radar-radar pengesan, kapalterbang-kapalterbang interceptor dan meriam-meriam penangkis kapalterbang. Usaha untuk meninggikan lagi kebolehan dan pengalaman anggota-anggota Tentera Udara Di Raja Malaysia di dalam mengendalikan alat-alat dan pesawat-pesawat yang ada serta meninggikan Taraf Kebolehan Teknikal dan Bantuan (Technical and Support Capability) Tentera Udara Di Raja Malaysia juga adalah diambil. Di samping itu suatu Sistem Pertahanan Udara Bergabung (Integrated Air Defence System) bagi mengawal ruang angkasa Malaysia telahpun ditubuhkan.

Seperti yang telah saya jelaskan di Dewan ini pada 26hb Oktober, 1976 dahulu, negara kita adalah sebuah negara yang kecil dan yang mengutamakan pembangunan ekonomi dan social. Dengan itu kita telah dan akan terus memodenkan peralatan tentera kita untuk maksud-maksud yang disoal mengikut keutamaan-keutamaan seimbang dengan hakikat ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana alat-alat jenis penangkis radar pengesan dan sebagainya ada berbagai-bagai jenis, saya ingin dapat kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada alat ini adalah alat terakhir (latest equipment) ataupun cuma satu-satu daripada hak yang sedia ada.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi jenis alat itu adalah mengikut hakikat atas keutamaan penggunaan, baik sebarang perbelanjaan untuk peralatan tentera kita. Alat-alat yang sekarang ini terdapat yang digunakan oleh Angkatan Tentera kita telah dianggap sesuai bagi maksud-maksud yang diperlukan untuk kita.

EKSPOT MALAYSIA KE AMERIKA/ RUSSIA/CHINA

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar

bahawa Malaysia terlampau banyak bergantung ekonominya kepada 3 buah negara besar iaitu Amerika, Russia dan China, kerana sebahagian besar barang-barang eksportnya ke negara-negara ini. Apakah perhatian diberi supaya pergantungan ini tidak berkekalan kerana kebimbangan peranan politik ada hubungan dengan kegiatan ekonomi.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat tersebut yang menyatakan bahawa Malaysia terlampau banyak bergantung ekonominya kepada Amerika Syarikat, Russia (USSR) dan Republik Rakyat China kerana sebahagian besar barang-barang eksport ke negara-negara tersebut, tidaklah benar sebagaimana dibuktikan oleh angka-angka berikut. Dalam tahun 1975 sebagai kadar keseluruhan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat hanya 16.1% sahaja, Russia (USSR) 2.6% dan Republik Rakyat China (RRC) 1.4%. Maka adalah menjadi dasar Kerajaan supaya mengelak wujudnya keadaan di dalam mana negara kita bergantung terlalu banyak kepada mana-mana negara di dalam perdagangan. Sebagai satu negara yang mengamali konsep pengecualian dan terbaik-baik dengan negara-negara luar kita ingin mengadakan perhubungan perdagangan dengan mana-mana sahaja negara.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Untuk mewujudkan perdagangan dengan mana-mana negara ini ingin saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai mengenai pakatan-pakatan ekonomi yang diusahakan ataupun perjumpaan Mesyuarat Ekonomi di negara ASEAN yang dikatakan untuk hendak mewujudkan ASEAN Complementation di antara negara-negara dalam ASEAN ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa kita mencapai kemajuan dalam perkara mewujudkan Persatuan Ekonomi ataupun Kerjasama Ekonomi yang lebih rapat di antara negara-negara ASEAN dan selepas Sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN di Bali Menteri-menteri Ekonomi telah mengadakan tiga kali

mesyuarat di mana telah diputuskan supaya diadakan kerjasama yang rapat di dalam bidang bukan sahaja perdagangan bahkan juga di dalam perusahaan dalam mana lima projek secara sederhana yang tertentu di bidang urea, diesel engine juga soda phosphate dan dua lagi telah ditetapkan supaya diselenggarakan oleh 5 negara itu dan dalam bidang perdagangan kita telah mendapat laporan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Pegawai di peringkat ASEAN bahawa mereka telah mengadakan beberapa perundingan di mana telah ditetapkan cara-cara perlonggaran dari segi tariff dan sebagainya di antara negara ASEAN ini untuk ditimbang di Mesyuarat Menteri Ekonomi di Manila pada awal tahun depan supaya dapat kita laksanakan dengan secepat mungkin yang boleh.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA

12. Tuan Farn Seong Than (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Ahli-ahli Parlimen layak menjadi penyokong bagi orang-orang yang memohon untuk mendapatkan pasport antarabangsa; jika ya, mengapa pihak Imigresen di Muar, Johor, menolak permohonan seorang penduduk di Muar yang beliau (Y.B. Chian Heng Kai) telah menyokong kerana beliau kenal si pemohon itu lebih daripada 20 tahun dan sungguhpun beliau (Y.B. Chian Heng Kai) telah berhubung dengan Ketua Pegawai Imigresen Muar terlebih dahulu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen memang layak menjadi penyokong kepada warganegara-warganegara Malaysia yang memohon Pasport Antarabangsa Malaysia.

Walau bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan Pasport bukanlah bergantung kepada penyokongnya sahaja tetapi bergantung kepada butir-butir dan latar-belakang-latarbelakang si pemohon. Dalam kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin permohonannya telah ditolak atas satu-satu sebab yang tertentu. Oleh kerana Yang Berhormat itu tidak memberikan nama si pemohon maka tidaklah dapat permohonannya itu dikesan untuk diketahui apa sebab-sebab permohonannya itu ditolak.

PENCARUM-PENCARUM K.W.S.P.

13. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menjelaskan tujuan Kerajaan untuk menukar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja kepada satu sekim pencen di bawah Rancangan Malaysia Ketiga memandangkan tujuan ini telah menimbulkan kebimbangan dan rasa tidak puas hati di kalangan pencarum-pencarum K.W.S.P.

Timbalan Menteri Kewangan Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sesudah mengkaji dan menimbang dengan teliti tentang cadangan untuk menukar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja kepada sekim pencen di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, maka Kerajaan telah membuat keputusan bahawa cadangan itu tidak akan dilaksanakan.

SEKOLAH MENENGAH DI TATAU

14. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah-sekolah Menengah di daerah-daerah luar bandar negeri Sarawak yang sedang dirancang pelaksanaannya di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan samada Kementerian beliau bercadang menguntukkan salah sebuah untuk Tatau di dalam Bahagian Keempat, Sarawak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah menengah baru di Tatau ialah di antara 33 buah sekolah menengah baru yang dicadangkan pada asalnya untuk dibina di negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Akan tetapi, disebabkan masalah kewangan maka hanya 20 buah sekolah menengah baru sahaja dapat diluluskan untuk perlaksanaan. Dari jumlah 20 buah sekolah menengah ini 17 buah akan dibina di kawasan-kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa apabila sebuah sekolah menengah baru di Sebuah siap pada akhir tahun 1977 nanti, maka keperluan untuk membina sebuah sekolah menengah baru di Tatau tidaklah begitu mendesak. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji semula sekiranya perlu untuk berbuat sedemikian.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada ia berpuashati dengan rawatan-rawatan yang diberikan kepada mereka yang menyalahgunakan dadah merbahaya. Kalau tidak apakah rancangan yang telah disediakan untuk memperbaiki hasil rawatan yang diberikan kepada mereka yang menyalahgunakan dadah dan yang telah menjadi penagih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan di sini bahawa rawatan detoksifikasi terhadap penagih-penagih dadah adalah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan di tujuh buah hospital dan rancangan pemulihan pula dikendalikan oleh Kementerian saya di tiga buah pusat pemulihan dadah. Ini bermakna bahawa tiap-tiap seorang penagih dadah itu perlu dihantar ke hospital terlebih dahulu untuk menerima rawatan detoksifikasi sebelum ia dimasukkan ke pusat pemulihan dadah. Sebenarnya, bilangan penagih-penagih dadah yang boleh diterima di hospital dan di pusat-pusat pemulihan adalah terhad. Tindakan sedang diambil untuk mengadakan sebuah pusat pemulihan lengkap yang boleh menampung lebih ramai lagi penagih-penagih dadah.

Penilaian terhadap hasil rawatan dan pemulihan, dukacita ketika ini tidak dapat ditentukan dengan tepatnya memandangkan bahawa pusat-pusat pemulihan yang ditadbir oleh Kementerian saya hanya berjalan selama satu tahun.

AKTA PENYELARASAN PER-USAHAAN—PELABUR-PELABUR

16. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kesan yang beliau dapati akibat pertemuan-pertemuan beliau dengan pelabur-pelabur tempatan asing mengenai Akta Penyelarasan Perusahaan dan samada langkah-langkah akan diambil untuk memulihkan kepercayaan mereka yang telah pecah.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa pertemuan saya dan juga Pegawai-pegawai Kementerian dengan orang-orang

tempatan dan juga luar negeri, samada peniaga-peniaga, pelabur-pelabur modal, pengusaha-pengusaha persatuan-persatuan perniagaan dan perusahaan telah mengujudkan kesedaran dan pengertian di kalangan kebanyakan mereka di atas tujuan baik Akta Penyelarasan Perindustrian; iaitu bukan sahaja untuk menjamin supaya perkembangan perindustrian di dalam negara ini diuruskan dengan secara teratur dan baik dan selaras dengan kepentingan Negara dan rakyat keseluruhannya bahkan juga bagi faedah pelabur-pelaburnya sendiri—faedah umpamanya seperti projeknya memperoleh nasihat dan bimbingan dari Kerajaan, perjalannya tidak diancam oleh unsur-unsur yang boleh merosakkan perusahaannya seperti ujudnya kilang-kilang yang sama rupa yang berlebih-lebihan memasukkan barang-barang yang diproses olehnya dari luar negeri yang tidak dikawali kemasukannya oleh Kerajaan.

Maka oleh kerana adanya kesedaran di kalangan banyak pelabur modal pada masa ini, sebagaimana yang saya telah jelaskan di atas, Kementerian Perdagangan telah diminta juga oleh pihak-pihak yang telah dikecualikan oleh Akta supaya mendapat lesen, supaya mereka diberi juga lesen dan diletakkan juga di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.

Di dalam pada itu ada pihak-pihak di dalam pertemuan-pertemuan tersebut telah menyatakan kebimbangannya terhadap peruntukan-peruntukan yang tertentu di dalam Akta tersebut juga di dalam peraturan di bawahnya oleh kerana umpamanya ayat-ayatnya di dalamnya kurang tepat atau jelas yang boleh diberi taarif yang menyeleweng daripada objektif asal apabila dilaksanakan kuatkuasanya; ataupun ada peruntukan-peruntukan yang sungguhpun tujuannya baik boleh diimplementasikan dengan cara yang boleh mengujudkan perkara-perkara yang dianggap tidak adil.

Pertemuan-pertemuan ini telah menghasilkan pengangkutan memorandum dari pihak-pihak yang berkenaan kepada Kementerian mengandungi syor-syor dan cadangan bagi memperkemaskan lagi undang-undang dan peraturan-peraturan di bawahnya supaya tidak berbangkit perkara-perkara yang saya telah sebutkan di atas tadi. Kementerian sedang mengkaji memorandum ini dan akan meminda mana-mana peruntukan yang perlu

dipinda untuk menjamin supaya Akta ini dapat dikuatkuasakan dengan licin serta selaras dengan objektif-objektif yang membawa faedah kepada Negara, rakyat dan juga pengusaha-pengusahanya sendiri.

TEKSI/KERETA SEWA/LORI KEPADA BUMIPUTRA

17. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Menteriannya bercadang hendak mengeluarkan permit-permit (lesen-lesen) teksi/lori kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra di tahun 1976 dan 1977, dan jika ada, adakah Menteriannya akan mengadakan “peruntukan tertentu”.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah sentiasa mengeluarkan permit-permit teksi, kereta sewa dan lori-lori dari semasa ke semasa mengikut keadaan keperluan pada satu-satu masa. Adalah menjadi dasar Kementerian saya mengeluarkan permit-permit ini bersesuaian dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Bilangan permit-permit teksi dan lori yang akan dikeluarkan akan ditentukan mengikut kajian yang dibuat dari semasa ke semasa.

ANASIR SABVERSIF

18. Tuan Haji Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar aktiviti anasir-anasir sabversif masih ada di negara ini; jika sedar, apakah rancangan beliau bagi menghapuskan anasir-anasir tersebut.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Dewan ini sewaktu menjawab soalan yang sama pada 25hb Oktober, 1976.

PENDEDAHAN SAMAD ISMAIL

19. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah ketegasan Kerajaan dalam menghadapi fahaman dan pengaruh komunis dalam negeri ini memandangkan setakat ini Kerajaan belum lagi mengambil tindakan daripada kenyataan yang dibuat oleh Encik A. Samad Ismail.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun memaklumkan kepada Dewan ini pendirian Kerajaan di dalam menghadapi ancaman komunis semasa menjawab soalan pada 25hb Oktober, 1976, dan saya setakat ini tidak ada apa-apa yang hendak ditambah lagi.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama-akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

USUL

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (25hb November, 1976)

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 29 dan B. 30 (Jadual)—

Kepala P. 29 dan P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

Tuan Pengerusi: Sebelum saya bukakan kepada perbahasan menyambung perbahasan semalam, saya suka menyatakan bahawa hari ini diuntukkan kepada Kepala Kementerian

Pelajaran. Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab selewat-lewatnya pada 5.45—6.00 petang mengikut berapa panjang Timbalan Menteri Pelajaran akan mengambil bahagian. Saya fikir kalau $\frac{3}{4}$ jam itu cukuplah, tetapi kiranya perbahasan selesai sebelum 6.30 petang, maka saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengemukakan anggaran Perbelanjaannya.

3.12 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, dalam ucapan saya semalam saya menyentuh mengenai sekolah rendah sahaja, belum lagi menyentuh sekolah menengah. Jadi oleh yang demikian, apa yang saya ingin tegaskan berhubung dengan perkara yang saya sebutkan semalam jika sekiranya pihak Kerajaan hendak mendirikan beberapa buah sekolah lagi di luar bandar mestilah cukup syarat dan alat perabutnya dan jangan berlaku seperti masa yang lalu, alat perabut dihantar sekolah tak ada, ada sekolah alat perabut tak cukup. Katalah muatan sekolah itu 16 bilik darjah dihantar alat perabut lebih kurang 400, sepatutnya alat perabut itu mestilah dihantarkan 800. Jadi saya bertanya juga kepada guru besar itu adakah peraturan baru membolehkan tiap-tiap kelas 25 orang sahaja. Jawabnya, saya berkehendakkan guru tidak kurang daripada 20 orang lagi. Jadi tentulah pihak berkenaan perlu mengambil perhatian sewajarnya berhubung dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya suka sentuh berkenaan Bangunan Sekolah Menengah. Apa yang kita fahamkan sekarang pihak Kerajaan begitu bersungguh-sungguh untuk menggalakkan penuntut di luar bandar supaya maju di dalam bidang pelajaran sains. Jadi apa yang mendukacitakan bila hendak tambah bangunan sekolah menengah hanya ditambah merupakan sains am. Oleh yang demikian, untuk pertambahan di masa akan datang hendaklah diselaraskan supaya pelajaran sains tulin pun hendaklah diadakan di sekolah-sekolah di luar bandar. Dengan demikian tentulah semua murid atau pelajar-pelajar yang ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan tidaklah semestinya pada satu-satu sekolah itu hanya mempelajari sains am sahaja dan tidak mempelajari pelajaran sains tulin.

Di samping itu, saya inginlah menyentuh di sini supaya pihak Kerajaan di mana-mana juga hendak didirikan bangunan baru hendaklah bersedia dari sekarang untuk mengambil tanah-tanah di mana perlu ataupun di mana sesuai kerana pada masa akan datang akan mengambil masa yang lama. Biasanya tiap-tiap kali hendak mengambil tanah memakan masa sekurang-kurangnya dua tahun baru selesai diuruskan oleh Pemungut Hasil Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Di sini saya suka sebutkan sedikit berhubung dengan masalah yang begitu rumit kepada pelajar yang masih belajar atau pelajar yang berulang-alik daripada mereka tinggal di suatu mukim di kawasan saya iaitu di Mukim Kota Setia, sekolah-sekolah rendah yang ada di sana iaitu Sekolah Kota Setia dan Sekolah Sungai Besar, mengalami kesukaran kerana mereka terpaksa bangun pukul lima pagi dengan bersuluh daun kelapa menyeberang Sungai Perak menaiki bot pergi ke sekolah Bagan Datuk dan Sekolah Menengah Sungai Suman, dan balik sampai ke rumah sehinggalah pukul 4.00 petang. Saya rasa masalah yang dihadapi oleh pelajar itu ialah kerana pernah kejadian berlaku ini di mana bot mereka telah pecah dan hampir karam, tetapi nyawa masih panjang mereka dapat diselamatkan oleh penduduk yang berdekatan pada waktu pagi itu. Oleh itu, saya mencadangkan supaya disediakan daripada sekarang untuk mendirikan sekolah menengah di sebelah tebing kiri Sungai Perak sekurang-kurangnya sebuah. Apa yang saya fikirkan perlu kerana tapaknya telah sedia ada dan bolehlah murid-murid daripada beberapa sekolah yang lain yang berhampiran dengan kawasan tersebut dapat dipindahkan ke sekolah menengah yang akan dibina. Walau bagaimanapun, saya suka mencadangkan di Dewan ini supaya menambatkan lagi bilangan ataupun perbelanjaan atau tambang bagi murid-murid yang menyeberang sungai ke sekolah menengah yang ada sekarang, kerana muatan bot yang digunakan adalah terhad dan hendak ditambahkan kepada bot baru pihak yang berkenaan tidak dapat meluluskan oleh kerana perbelanjaan tidak cukup. Cadangan lain boleh disarankan di Dewan ini iaitu membuat dengan seberapa segera beberapa buah asrama di sekolah-sekolah yang difikirkan perlu membolehkan kanak-kanak itu tinggal berhampiran di sekolah dan dapat belajar dengan baik.

Berhubung dengan ini juga saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan muka surat 203 Pecahan-kepala 1100 aktiviti (1) berkenaan dengan Pentadbiran Am. Sudah sampailah masanya pihak Kementerian ini di mana-mana juga sekolah yang masih kekosongan guru besar baik sekolah rendah atau menengah patut dipenuhi kerana pentadbiran yang dipangku pada beberapa masa ini akan merumitkan keadaan sesebuah sekolah. Sekian sahaja dan saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

3.19 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Saya menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pelajaran kelmarin.

Dalam membahaskan berkenaan dengan peruntukan Kementerian Pelajaran ini. Saya ingin menyentuh Kepala B. 29 Pecahan-kepala 1100 dan 1200—Aktibiti (2) iaitu berkenaan dengan Latihan Guru. Di dalam masalah ini pujian patut diberikan kepada Kementerian Pelajaran yang telah begitu pesat mengambil tindakan untuk mengatasi kekurangan guru-guru dengan mengadakan 14 buah pusat perguruan dan akan menambah lagi beberapa buah pusat perguruan bagi mengatasi kekurangan guru-guru pelatih di dalam sekolah yang membangun begitu pesat. Cuma di dalam masalah ini saya ingin membentangkan keraguan saya sepertimana yang saya telah difahamkan di akhir-akhir ini banyak guru-guru yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan ilmiah dan iktisad dipindahkan bertugas sebagai pensyarah di maktab-maktab perguruan daripada sekolah-sekolah yang mereka mengajar. Perpindahan mereka itu membimbangkan mereka. Adakah pemindahan mereka itu merupakan sebagai satu kenaikan pangkat daripada guru menjadi pensyarah ataupun satu pemindahan istimewa di dalam perkhidmatannya. Kalau kedua-duanya itu tidak berlaku maka saya bimbang perkara yang telah berlaku beberapa tahun dahulu di dalam mana masa Kementerian Pelajaran membuka sekolah-sekolah menengah dengan begitu banyak, guru-guru daripada sekolah rendah telah diambil untuk memenuhi kehendak pelajaran di sekolah-sekolah menengah dengan memindahkan mereka daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah

dan setengah daripada guru-guru yang dipindahkan daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah itu diberikan tugas bukan sahaja daripada guru sekolah rendah kepada guru sekolah menengah tetapi ada setengah-setengahnya diberi tugas sebagai guru besar dan seterusnya dinaikkan lagi diberi tugas sebagai pegawai di Pejabat Pelajaran tanpa menaikkan pangkat mereka hingga mereka pencen. Manakala mereka pencen mereka mendapat bayaran pencen sepertimana guru biasa. Kalaupun keadaan ini berlaku maka sudah tentu akibatnya akan diterima oleh guru-guru yang berkenaan itu. Begitulah juga sepertimana yang saya katakan tadi guru-guru yang telah dinaikkan ataupun diberi tugas sebagai pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan itu patutlah Kementerian ini memberikan pandangan istimewa kerana mereka menunjukkan kebolehan dan menjalankan tugas bukan daripada tugas biasa mereka. Kalau sekiranya Kementerian Pelajaran membuat keadaan demikian itu maka ini adalah menjadi sebagai satu penggalakan kepada mereka bagi menambahkan usaha mereka bagi menjayakan apa yang dicita-citakan oleh Kementerian itu iaitu untuk memenuhi kekosongan guru-guru terlatih dan menempatkan guru-guru terlatih di tempat-tempat yang dikehendaki itu. Itulah harapan saya supaya masyarakat tidak keciwa dan juga guru-guru yang berkenaan itu tidak akan menyesal di kemudian hari kelak.

Menyentuh di dalam perkara yang sama iaitu berkenaan dengan latihan guru, saya suka menarik perhatian berkenaan dengan elaun kepada pelajar-pelajar pelatih di maktab-maktab perguruan. Mengikut apa yang difahamkan kepada saya pelajar-pelajar pelatih ini diberikan imbuhan sebanyak \$150 sebulan dan imbuhan ini telah berjalan hampir 10 tahun atau lebih dan tidak berubah dan keadaan pemberiannya itupun sama sahaja di kesemua pusat perguruan samada di dalam bandar ataupun di luar bandar. Keadaan yang demikian ini menjadi kesulitan kepada pelajar-pelajar pelatih yang duduk di dalam bandar seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain bandar-bandar besar kerana perbelanjaan mereka di dalam bandar itu adalah tinggi. Daripada wang \$150 itulah mereka akan menyewa rumah, mereka akan gunakan untuk makan, mereka akan gunakan untuk pakaian, mereka menggunakan juga untuk

membeli alat-alat mengajar dan sebagainya, maka sudah tentu wang sebanyak \$150 bagi mereka yang ditempatkan dalam bandar sudah tentu tidak mencukupi, tetapi bagi mereka di luar bandar seperti di Perlis misalnya \$150 itu adalah besar bagi mereka. Dalam perkara ini saya berpendapat patutlah Kementerian berkenaan mengambil perhatian supaya memberikan keadilan di dalam masaalah ini supaya mereka yang telah dipilih bukan dengan kehendak mereka sendiri tetapi telah diletakkan di dalam pusat-pusat perguruan di dalam bandar supaya dapat mereka mengecap keadilan dan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Di dalam Aktiviti yang sama juga iaitu berkenaan dengan maktab perguruan ini, suka saya menarik perhatian Kementerian berkenaan dengan pelajar-pelajar pelatih iaitu calon-calon yang dipilih untuk memenuhi maktab-maktab perguruan, saya harap hendaklah diutamakan kepada pelajar-pelajar yang datang daripada luar bandar. Kerana murid-murid yang datang daripada luar bandar yang akan menjadi pelajar pelatih ini kalau tidak dipandang dengan pandangan istimewa kepada mereka maka sudah tentu susah bagi mereka untuk mendapat tempat. Sebab kelulusan akademi mereka tidak begitu tinggi, maklumlah mereka itu di luar bandar. Tetapi pada pendapat saya murid-murid yang mendapat kelulusan Gred III di sekolah-sekolah luar bandar itu mungkin lebih bijak daripada murid-murid yang mendapat Gred II di bandar. Saya katakan begitu, kerana mereka di luar-luar bandar yang menghadapi pelajaran daripada Tingkatan I hingga Tingkatan V menghadapi kesulitan-kesulitan. Setengah daripada mereka terpaksa mengayuh basikal berbatu-batu jauhnya, dan ibu-bapa mereka terdiri daripada golongan yang miskin, maka sudah tentu mereka itu tidak dapat mengikuti pelajaran dengan sepenuh minat. Maka dengan sebab itu, menyebabkan pelajaran mereka itu jatuh ataupun di dalam peperiksaan itu mereka tidak dapat menunjukkan kebolehan bagi mendapat gred yang lebih tinggi daripada itu. Maka dengan sebab itu saya katakan murid-murid yang lulus peperiksaan sijil menengah itu yang mendapat gred III di luar bandar itu mungkin lebih baik daripada murid-murid di dalam bandar yang mendapat Gred II, murid-murid yang mendapat Gred II di luar bandar itu

mungkin lebih baik daripada murid yang mendapat Gred I dalam bandar, kerana kemudahan pelajaran tidak begitu mengizinkan mereka. Oleh yang demikian, pada pendapat saya dalam pemilihan ini patutlah dipandang dengan pandangan yang istimewa kepada murid-murid dari luar bandar.

Menyentuh berkenaan dengan Aktiviti yang sama saya rasa latihan di pusat-pusat perguruan itu patutlah dijadikan pelajaran agama atau pendidikan agama itu sebagai satu mata pelajaran asasi kepada penuntut-penuntut di dalam maktab-maktab perguruan. Kerana masalah pendidikan agama dan kerohanian ini sangat penting kepada murid-murid yang akan menjadi guru di masa hadapan kelak khususnya pada masa sekarang ini kita menghadapi krisis moral dan kekurangan tata-tertib dan disiplin. Kalau sekiranya guru-guru yang telah terlatih itu tidak diisikan penuh-penuh dengan semangat kerohanian dan pendidikan agama yang tinggi maka sudah tentu mereka akan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sepenuh bagi mendidik atau melatih anak-anak mereka.

Berpindah pula saya kepada Aktiviti yang lain di dalam Pecahan-kepala yang sama iaitu mengenai Aktiviti (3)—Pelajaran Rendah dan Menengah. Di dalam perkara ini saya memberi terima kasih kepada Kementerian Pelajaran sebagai anak Perlis yang telah menguntukkan kepada Perlis begitu banyak kalau dinisbahkan dengan negeri-negeri yang lain terdirinya sekolah-sekolah menengah di negeri Perlis begitu banyak.

Tetapi apa yang suka saya menarik perhatian di sini ialah berkenaan dengan bangunan-bangunan ataupun tempat yang hendak dibangunkan sekolah-sekolah itu. Apa yang saya maksudkan ialah ada di antara sekolah yang telah didirikan di dalam kawasan yang tidak lebih daripada 6 ekar atau 5 ekar, anak muridnya lebih daripada 2,000 orang dengan bangunan yang begitu sesak, pelajaran yang dipelajari pagi dan petang. Kalau kita perhatikan sekolah itu dengan bangunan yang begitu banyak dalam kawasan yang sempit dilingkungi oleh dua jalan, satu jalan keretapi di sebelah belakang, dan jalan motokar di sebelah depan dan murid-murid 2,000 disitu kita dapati keadaan sekolah ini seolah-olah di dalam satu kawasan setinggian penuh dengan bangunan-bangunan. Didapati juga setiap penukaran

pelajaran murid-murid pagi akan pulang, manakala di sebelah petang pula sudah sampai. Kita dapati kawasan itu seolah-olah pasar borong yang penuh dengan murid-murid. Dan kawasan permainannya pula diadakan di sebelah jalan motokar. Ini adalah satu keadaan yang tidak baik pada pendapat saya dari segi tempat dipilih untuk dijadikan sebagai satu pusat pendidikan. Kalau perkara itu telah berlaku di Perlis, saya harap di tempat-tempat yang lain ataupun di negeri Perlis juga kalau hendak didirikan bangunan-bangunan yang baru, janganlah hendaknya berlaku sepertimana yang telah berlaku sekarang ini. Dan sekolah yang saya katakan itu kalau sekiranya dapat diatasi kesesakan itu, patutlah diatasi dengan mengecilkan bilangan penuntut-penuntut di situ ataupun menjadikan sekolah itu sebagai sekolah menengah rendah semata-mata dan sekolah menengah atas itu dipindahkan ke tempat lain, kerana kalau sekiranya dilakukan sedemikian itu, ia boleh melapangkan sedikit kedudukan kesesakan yang telah berlaku dan sekolah yang saya maksudkan itu ialah ditempat saya sendiri, Arau.

Menyentuh berkenaan dengan perkara yang sama, saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan berhubung dengan lapuran kewangan yang telah diedarkan kepada kita yang mana di dalam lapuran itu menunjukkan 20% daripada penagih-penagih dadah, dari segi peringkat pelajaran terdiri daripada murid-murid yang telah mendapat pelajaran atas daripada sekolah menengah dan yang selebihnya adalah terdiri daripada murid-murid sekolah menengah. Di dalam masalah ini, kebanyakan murid-murid itu mengikut lapuran yang saya katakan tadi adalah terdiri daripada golongan keluarga-keluarga yang miskin dan kebanyakannya pula berlaku di dalam bandar. Masalah ini, pada pendapat saya adalah satu masalah yang besar bukan satu masalah yang kecil. Kementerian Pelajaran hendaklah memandang dengan pandangan yang serious dalam perkara ini. Pada pendapat saya di dalam mengatasi masalah ini, mungkin apa yang telah disuarakan oleh saudara saya Yang Berhormat dari Balik Pulau kerana kebanyakannya murid-murid itu terdiri daripada murid-murid di dalam bandar. Mungkin, pada pendapat saya, perkara ini berlaku disebabkan oleh keadaan guru-guru, sepertimana yang telah dikatakan bahawa guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah menengah di sekolah-sekolah di

dalam bandar ini kebanyakannya terdiri dari guru-guru wanita, guru-guru perempuan. Sudah tentu guru-guru perempuan ini tidak dapat hendak memenuhi kehendak pendidikan dengan begitu penuh. Kalau sedikit bilangannya, saya rasa mungkin dapat, tetapi kalaulah dalam satu sekolah itu banyak guru-guru wanita di dalam satu-satu sekolah itu, aktiviti-aktiviti luar yang boleh membendung kanak-kanak ini daripada menghabiskan masa lapangnya itu dengan sia-sia sahaja, maka sudah tentu mereka itu tidak dapat memenuhi, tetapi kalau guru-guru lelaki dapatlah mereka bersama-sama dengan anak-anak muda ini bagi memenuhi kehendak masa lapang maka itu adalah satu pada pendapat saya dapat mengatasi perkara ini.

Saya rasa peruntukan yang telah diuntukkan oleh Kementerian bagi biasiswa-biasiswa kecil bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 yang telah diuntukkan sebanyak \$16,500,000 sepertimana yang ternyata dalam anggaran belanjawan itu, biasiswa ini patutlah diberikannya kepada mereka yang patut menerima. Kalau di dalam bandar patut diutamakan kepada mereka yang betul-betul miskin, tetapi apa yang diamalkan hari ini, saya ragu-ragu biasiswa itu dapat sampai kepada anak-anak miskin, sebab amalan yang telah berlaku biasanya dalam bulan Oktober atau akhir penggal yang ketiga tiap-tiap tahun satu borang dikeluarkan dan borang itu diberikan kepada murid-murid supaya diberikan kepada ibu-bapa. Ibu-bapa memenuhi borang itu dan borang itu diminta disahkan oleh pegawai-pegawai tertentu. Wakil-wakil Rakyat, Penggawa, Jaksa Pendamai dan sebagainya. Selepas dari itu pula mesti disahkan oleh Pegawai Division I atau pun Division II. Selepas itu baharu diperoses. Masaalahnya ini, pada pendapat saya meragukan yang bantuan itu sampai kepada mereka yang patut mendapat hak, tetapi bagi Wakil-wakil Rakyat, saya rasa rakan-rakan saya yang lain begitu juga menjadi sebagai keadaan serba salah manakala borang itu di isi dan diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat misalnya, hendak menandatangani pun salah, tidak hendak menandatangani pun salah. Kalau di sokong bila diperoses tidak dapat, maka akibatnya ialah Wakil-wakil Rakyat yang akan menerima. Kalau dapat tidak apalah, di puji Wakil Rakyat. Kalau tidak dapat, dimakinya balik. Ini satu keadaan yang tidak begitu baik pada pendapat saya patutlah di ubah keadaan ini.

Cara mengubahnya, pada pendapat saya, ini adalah peranan yang boleh dimainkan oleh guru-guru bimbingan di sekolah-sekolah maka dengan sebab itu dalam tahun yang lalu masaalah guru-guru bimbingan, saya telah suarakan, saya rasa sampailah masanya Kementerian Pelajaran mengadakan bagi tiap-tiap sekolah itu seorang guru bimbingan yang menjalankan tugas sepenuh masa, kerana mereka ini dapat menjaga rekod tiap-tiap seorang murid itu. Dengan menjaga rekod tiap-tiap seorang murid itu, maka dia dapat mengetahui murid itu latar belakangnya daripada awal sampai akhir dan dia tahu apakah kesusahan-kesusahan yang telah di hadapi oleh murid-murid itu, sudah memadai dengan rekod-rekod yang telah ada pada tiap-tiap seorang murid ini bagi menentukan siapa yang berhak untuk mendapat hadiah biasiswa kecil itu. Biarlah guru-guru bimbingan itu memainkan peranan Mr Novak di dalam satu siri pendidikan yang telah ditayangkan oleh Talvisyen beberapa tahun yang lalu.

Saya ingin menyentuh kepada Pecahan-kepala yang sama iaitu Aktiviti (8), muka surat 206. Berkenaan dengan disiplin, kita dapati sekarang ini di dalam surat-surat-khabar dan di dalam perbualan orang ramai pun

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala berapa Yang Berhormat?

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Pechan-kepala 8 (a).

Tuan Pengerusi: Ini berkenaan biasiswa.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Ya.

Tuan Pengerusi: 8 (a) berhubung dengan Biasiswa Persekutuan.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Maaf, tadi saya telah sebut berkenaan dengan biasiswa. Saya hendak sebut berkenaan dengan Aktiviti (3)—Pelajaran Rendah dan Menengah.

Berkenaan dengan disiplin murid-murid di sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah, masaalah ini telah dipersoalkan di dalam surat-suratkhabar dan telah menjadi perbualan masyarakat baik di bandar mahupun di kampung. Kegelisahan ibu bapa di dalam masaalah ini telah menjadi satu

kenyataan. Penyakit dadah, ponteng sekolah, pakaian yang tidak senonoh, tidak mengerjakan apa yang diwajibkan oleh guru-guru di sekolah. Semua perkara-perkara yang berlaku ini telah menjadi perbuahan bukan sahaja di dalam suratkhbar tetapi keseluruhan masyarakat di bandar dan di luar bandar. Oleh yang demikian, saya mengemukakan langkah Kementerian ini bagi menegakkan disiplin di sekolah-sekolah bukan sahaja patut diketatkan kepada murid-murid, tetapi patut juga diketatkan kepada guru-guru, seperti mana kita wajibkan kepada murid-murid begitu juga kita wajibkan kepada guru-guru, kerana telatah guru-guru itu akan dituruti atau ditiru oleh murid-murid. Kalau sekiranya guru-guru itu tidak berdisiplin maka sudah tentu anak muridnya lebih tidak berdisiplin lagi.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Sedikit lagi. Tuan Pengerusi, akhir sekali saya akan menyentuh Pecahan-kepala 4100, Aktiviti 9 (b)—Sekolah-sekolah Uagama Islam Rakyat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang telah membuat keputusan untuk menambahkan bantuan kepada sekolah-sekolah uagama rakyat seperti mana yang telah diisytiharkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan pada beberapa hari yang lalu. Tetapi apa yang saya harapkan di sini ialah bantuan yang akan diberikan itu janganlah, terlampau lewat pada tipa-tiap tahun. Selalunya lewat sangat, bantuan bagi penggal yang pertama itu sehingga penggal yang ketiga baru dapat dan bantuan bagi penggal yang kedua, akhir tahun baru dapat. Jadi janganlah hendaknya begitu lambat sangat kerana sekolah-sekolah uagama rakyat ini bergantung dan berharap kepada bantuan ini sahaja untuk mentadbirkan sekolah.

Selain daripada mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran di dalam memberikan bantuan itu, saya ingin menarik perhatian Kementerian ini berkenaan dengan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah rakyat supaya masaalah-masaalah ini dapat diatasi. Kalau sekiranya masaalah-masaalah ini tidak dapat diatasi, maka terjadilah sekolah rakyat yang banyak itu sebagai sekolah kelas dua; kita tidak mahu ada sekolah kelas satu iaitu sekolah-sekolah Kerajaan dan sekolah kelas dua

iaitu sekolah-sekolah rakyat. Dalam masaalah pendidikan tidak ada bedza, mesti kesemuanya menjadi sekolah kelas satu, barulah pendidikan itu dapat dijalankan dengan baik. Oleh itu masaalah-masaalah yang ada di sekolah-sekolah uagama sekarang ini yang pertamanya ialah menyesuaikan kehendak-kehendak atau syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian, Kementerian telah meletakkan syarat iaitu sekolah-sekolah rakyat itu mesti mengikuti peraturan-peraturan yang tertentu salah satu daripadanya ialah mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian yang berkenaan. Di dalam masaalah ini, kesulitan telah dihadapi oleh sekolah-sekolah rakyat iaitu bagi menyesuaikan dengan kehendak dan perubahan yang berlaku di dalam sekolah-sekolah. Misalnya, dahulu disyaratkan mesti mengikuti pelajaran yang telah ditetapkan dalam sukatan pelajaran, sekolah rakyat juga dikehendaki mengikuti apa yang ditetapkan sehingga mereka telah dapat memberikan pelajaran kepada anak-anak itu mengikuti pelajar di Tingkatan I, II, III sama dengan Sekolah-sekolah Kebangsaan, misalnya dalam pelajaran akademik. Tetapi perubahan berlaku begitu cepat di dalam sekolah-sekolah Kerajaan, mereka tidak dapat mengikuti. Contohnya, perubahan yang pertama diwajibkan matapelajaran sains mesti lulus di dalam Tingkatan III, maka bekejarlah sekolah Uagama Rakyat untuk mencari guru bagi mendapatkan pelajaran kepada anak-anak murid mereka itu supaya lulus dalam matapelajaran sains am, perkara ini telah dapat mereka lakukan. Selepas dua tahun diubah pula, disyaratkan murid-murid itu mesti mengikuti matapelajaran sains panduan, ilmu hisab moden, jadi guru-guru yang telah diambil oleh sekolah-sekolah rakyat itu sudah tidak dapat hendak mengajar matapelajaran sains panduan dan ilmu hisab moden. Dengan ini guru-guru itu tidak dapat hendak mengajar, seolah-olah satu perlumbaan yang tidak seimbang, kerana kemampuannya tidak begitu ada di dalam sekolah-sekolah rakyat untuk mengikuti perkembangan pelajaran yang telah diuntukkan oleh Kementerian Pelajaran di dalam sekolah-sekolah menengah bantuan penuh yang dibimbing oleh Kerajaan.

Saya rasa selain daripada memberi bantuan kepada sekolah-sekolah uagama ini Kementerian mestilah memberikan bantuan guru-guru supaya mereka dapat mengatasi

masaalah ini ataupun sekurang-kurangnya menerima guru-guru daripada sekolah rakyat itu mengikuti kursus di dalam masa cuti supaya mereka dapat mengikuti pelajaran yang baru bagi mereka mengajar kepada murid-muridnya di sekolah-sekolah agama.

Itulah sedikit sebanyak pandangan saya dan saya menyokong Anggaran Belanjawan, 1977.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, di-sebabkan ada ramai yang hendak berucap, saya mintalah supaya diringkaskan ucapan itu supaya ramai yang dapat mengambil bahagian, kerana kita hanya mempunyai satu hari sahaja dan saya sudah utukkan 45 minit untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Pada pukul 5.45 petang patutlah ditamatkan perbincangan ini. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

3.49 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 29—Kementerian Pelajaran, Pecahan-kepala 1100 di bawah Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan di bawah Aktiviti (2) Latihan Guru, muka surat 203.

Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan yang paling besar sekali jika dibandingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain. Ini menunjukkan Kementerian Pelajaran memainkan peranan yang penting dan utama dalam memberikan pelajaran kepada anak-anak kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Pentadbiran di Pejabat Pelajaran Negeri, terutama mengenai sistem pengendalian antara Pejabat Pelajaran Negeri dengan Sekolah-sekolah. Sistem pengendalian ini tidaklah begitu teratur dan kemas. Boleh jadi, pengendalian untuk sekolah-sekolah ini terlampau banyak. Pejabat Pelajaran Negeri Selangor sahaja mengendalikan guru-guru sekolah tidak kurang daripada 4,000 orang. Begitu juga di negeri-negeri lain. Saya mengesyorkan supaya Guru-guru Besar dihantar berlatih mengambil kursus pentadbiran di INTAN supaya pentadbiran sekolah dapat berjalan dengan lebih licin dan teratur. Ini boleh dilakukan semasa cuti sekolah supaya pentadbiran sekolah tidak terganggu.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala B. 29 juga, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (3) (k) Pengajaran Ugama, muka surat 206.

Pelajaran memainkan peranan penting di dalam kehidupan seseorang. Pelajaran rendah adalah asas sebelum seseorang itu pergi ke sekolah menengah. Kita mempunyai banyak matapelajaran yang dikira wajib dalam sistem pendidikan kebangsaan kita. Sebelum merdeka, tulisan Jawi adalah wajib bagi seseorang murid. Tetapi dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang, tulisan Jawi tidak lagi dianggap begitu wajib. Maka dari itu, kebanyakan murid-murid sekolah tidak lagi pandai menulis dan membaca Jawi. Saya suka mengesyorkan supaya pelajaran Ugama Islam dijadikan matapelajaran wajib di sekolah-sekolah, sama ada di sekolah Kerajaan, ataupun di sekolah yang dibantu oleh Kerajaan. Dahulu sekolah-sekolah di luar bandar, murid-murid bukan Melayu juga mengambil peperiksaan ugama Islam dengan menggunakan jawapan didalam tulisan Jawi. Ada di antaranya mendapat markah yang baik. Sekarang ini TV. Malaysia mengadakan siri Tulisan Jawi. Saya rasa adalah lebih prektikel tulisan Jawi ini dipopularkan semula sebagai satu mata-pelajaran wajib, yang khusus ditumpukan kepada pelajaran ugama Islam.

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala 4100 juga, Aktiviti (5) (g) Instituti Teknologi MARA.

Dalam memberikan pelajaran tinggi, Instituti Teknologi MARA, memainkan peranan yang besar dalam membanyakkan penuntut-penuntut bumiputra dalam pendidikan tinggi. Ia bukan sahaja telah mengeluarkan beribu-ribu penuntut yang bertaraf menengah tinggi, malahan telah dapat memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan dalam mengisi kekosongan jawatan executives terutama dalam bidang swasta. I.T.M. juga mengadakan peperiksaan lanjutan diploma (advanced diploma) yang bertaraf degree dan sekarang ini mengadakan peperiksaan luar dengan kerjasama Ohio Universiti, Amerika Syarikat. Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi juga mengadakan peperiksaan lanjutan (degree courses). Kedua-dua universiti ini mengadakan Kursus Diploma dan Degree.

Professor-professor luar negeri (visiting professors) juga memuji akan kebolehan I.T.M. mengadakan berbagai kursus peperiksaan yang bertaraf degree. Banyak penuntut-penuntut I.T.M. telah menunjukkan kejayaan yang besar dalam bidang pelajaran tinggi. Galakan-galakan hendaklah diberi kepada penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajarannya ke peringkat doktor falsafah (Ph. D).

Crash programme mengambil tenaga pengajar anak negeri hendaklah dijalankan, seperti mana yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya rasa sudah tiba masanya Kerajaan menetapkan bahawa Instituti Teknologi MARA dengan tenaga pengajar yang begitu terlatih, dinaikkan tarafnya menjadi "Universiti Teknologi MARA".

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (e) Asrama Peringkat Negeri peruntukan sebanyak \$15,610,000 dan Kepala Pembangunan P. 29, Pecahan-kepala 9—Asrama, peruntukan sebanyak \$6,177,000 muka surat 209.

Di Jajahan Tumpat, ada 3 buah sekolah menengah. Sekolah Menengah Tumpat, telah diberi pengakuan untuk mendapatkan asrama. Saya berharap, pembinaan asrama ini dapat disegerakan untuk memberi kemudahan pelajaran, bukan sahaja kepada penuntut-penuntut di Jajahan Tumpat, malahan juga anak-anak nelayan yang tinggal jauh yang dahagakan kepada pelajaran.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 20, Kepala Pembangunan P. 29—Kolej Tunku Abdul Rahman.

Mengikut perangkaan yang diberi sehingga 16hb Ogos, 1976, penuntut-penuntut Melayu hanyalah 71 orang. Penuntut-penuntut China 4,569 dan penuntut-penuntut India 254 orang. Pengambilan penuntut-penuntut Melayu hendaklah dibanyakkan lagi di Kolej ini. Ikhtiar-ikhtiar hendaklah dijalankan untuk mengambil 30% penuntut-penuntut Melayu sekurang-kurangnya. Kita mempunyai ramai penuntut-penuntut di sekolah menengah berasrama penuh yang mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk memasuki Kolej Tunku Abdul Rahman ini. Adalah diharapkan bahawa Kementerian ini hendaklah memerhatikan atas pengambilannya dari setahun ke setahun.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran ini.

3.56 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran yang berjumlah sebanyak \$1,769,943,974.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh beberapa Pecahan-kepala dalam Kepala Bekalan B. 29, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1), (2), (3), (4); Pecahan-kepala 4100, Aktiviti 3 (a), (b), (e) dan (g).

Tuan Pengerusi, memandang kepada jumlah peruntukan yang begini banyak maka tidak syak lagi bahawa Kementerian Pelajaran ini merupakan sebuah Kementerian yang mempunyai tanggungjawab yang lebih, beban-kerja yang berat, aktiviti-aktiviti yang luas malahan ianya tidak sunyi daripada masaalah-masaalah yang rumit. Bilangan orang yang terlibat sungguh mengejutkan, ini termasuklah lebih kurang 2½ juta pelajar-pelajar dari sekolah rendah dan menengah dan bilangan ini tidak termasuk kakitangan-kakitangan dari Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri, guru-guru sekolah rendah dan menengah, mahasiswa-mahasiswa di universiti dan institusi pelajaran tinggi dan juga tidak termasuk seramai kira-kira 15,000 orang lebih kakitangan di lima buah Universiti, Hospital Universiti dan I.T.M.

Tuan Pengerusi, bayang dan gambarkanlah betapa beratnya tanggungjawab Kementerian ini dengan mempunyai masaalah-masaalah yang tertentu samada masaalah-masaalah itu sudah merupakan basi ataupun masaalah-masaalah lama yang sukar diselesaikan atau masaalah-masaalah yang baru yang sedang timbul dan akan timbul, bukan satu demi satu, sepuluh demi sepuluh malahan seratus demi seratus. Sebagai contohnya, Tuan Pengerusi, dalam masaalah yang lama ini ialah masaalah perlaksanaan gaji guru besar sekolah menengah. Ini juga menjadi masaalah yang agak lama. Golongan mereka ingin mengetahui sejauh manakah perlaksanaan gaji mereka yang telah begitu lama diisytiharkan samada perkara ini disempurnakan atau apakah sebab musababnya. Soal ini berlarutan. Kita tidak mahu alasan-alasan politik menjadi permainan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan sesuatu pihak.

Walau bagaimanapun, kita dan rakyat seluruhnya patut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, Kementerian Pelajaran dari Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sampailah kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerianannya di atas daya-usaha dan perkhidmatan yang tidak kenal penat lelah dalam menjalankan tugasnya terhadap negara. Kita berdoa kepada Allah supaya mengurniakan lagi sifat-sifat mulia, ikhlas, jujur dan dedikasi ke atas mereka mudah-mudahan matalamat dasar pelajaran kita akan tercapai dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, peruntukan wang sebanyak yang saya sebutkan di atas itu merupakan lebih kurang 16.2% daripada peruntukan negara yang berjumlah \$10,995,921,149. Jumlah ini jika dipukul rata dalam sehari adalah sebanyak lebih kurang \$4.85 juta. Wang ini, Tuan Pengerusi, jika hendak dibangunkan sekolah-sekolah rendah yang sederhana yang berharga lebih kurang \$300,000 sebuah maka peruntukan dalam sehari Kementerian ini dapat membangunkan sebanyak 16 buah sekolah. Atau jika wang ini hendak disubsidikan kepada nelayan-nelayan kita yang ada di seluruh negara katalah kira-kira 40,000 orang ramainya maka mereka akan dapat sebanyak lebih kurang \$120 tiap-tiap seorang pada sehari.

Menyentuh Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2) Latihan Guru—muka surat 203. Peruntukan yang dikehendaki sebanyak \$34,605,000 iaitu bertambah \$12,397,650 dari tahun 1976. Sebagaimana maklum aktiviti ini mempunyai tugas yang amat penting dalam menyediakan dan mengeluarkan guru-guru yang berlatih bagi memenuhi keperluan-keperluan negara di bidang pelajaran. Saya berterima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan pegawai-pegawainya kerana latihan ini dapat dijalankan dengan sempurna di 14 buah maktab termasuk 4 buah pusat sementara latihan perguruan tambahan yang telah dibuka dalam tahun ini di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kuantan dan Kangar. Memandangkan kepada jumlah besar bilangan guru-guru pelatih yang mengikuti kursus penuh masa di maktab-maktab perguruan Semenanjung Malaysia dalam tahun ini seramai 8,916 orang dan dijangka akan meningkat pada tahun hadapan seramai 12,682

orang. Maka tidak syak lagi seluruh rakyat akan bertambah yakin, akan bertambah percaya terhadap jaminan Kerajaan:

- (1) Hendak menyediakan guru-guru pelatih yang secukup-cukupnya bagi semua peringkat.
- (2) Meninggikan bagi kecakapan guru-guru yang ada melalui latihan dan
- (3) Menyediakan peluang-peluang pekerjaan dengan banyaknya dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Bercakap mengenai Guru-guru Lepas Maktab, ianya berpecah kepada dua bahagian.

Yang pertama, guru-guru lepasan maktab perguruan yang tidak terikat dengan mana-mana perjanjian. Kumpulan ini tidak ada masalah apa-apa.

Yang kedua, Guru-guru Lepas Maktab Perguruan dari Semenanjung Malaysia yang terikat dengan perjanjian untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Yang menjadi masalaahnya, Tuan Pengerusi, ialah bagi guru-guru yang terikat dengan perjanjian. Banyak diantara mereka yang tidak sabar untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak selama lima tahun. Meskipun guru-guru tersebut mendapat tambahan atau dibayar regional allowance sebanyak 22½% atau 20%. Diantara sebab-sebab atau alasan guru-guru tersebut:

Yang pertama, perkhidmatannya agak lama iaitu lima tahun sedangkan perbelanjaan balik ke Semenanjung hanya diberi tambang percuma sekali sahaja dalam masa lima tahun.

Yang kedua, bagi guru-guru yang berkhidmat di Sabah sebelum tahun 1976 adalah mereka dilantik sebagai guru-guru kontrek sahaja. Yang demikian, sebelum mereka kembali berkhidmat di Semenanjung Malaysia mereka dikehendaki memohon memasuki perkhidmatan Pelajaran Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa memandang kepada status mereka sebagai guru kontrek di Sabah, perkhidmatan mereka di Sabah tidak dapat dianggap bersambung apabila mereka dilantik ke dalam Perkhidmatan Pelajaran Semenanjung Malaysia.

Dari segi gaji tentulah mereka mengalami sedikit kerugian oleh kerana gaji permulaan mereka dan lantikan baru Semenanjung Malaysia adalah berasas kepada jumlah tahun pengalaman mengajar di Sabah dan bukan mengikut gaji terakhir yang mereka terima di Sabah.

Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran atas daya usahanya meneruskan perundingan dengan Kerajaan Sabah untuk menyelesaikan kedudukan guru-guru kontrak itu supaya mereka tidak mengalami kerugian yang tersebut. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang telah bersetuju bahawa guru-guru yang berkhidmat di Sabah mulai 1hb Januari, 1976 tidak lagi dilantik sebagai guru-guru kontrak bahkan dilantik sebagai Pegawai Pelajaran Sabah. Dengan ini tentulah mereka tidak akan mengalami kerugian apabila balik berkhidmat ke Semenanjung Malaysia kelak.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya Kementerian memikirkan semula mengenai tempoh perkhidmatan mereka selama lima tahun itu dan jika perlu hendaklah dipendekkan kepada 3 tahun sahaja. Manakala peraturan memberi tambang percuma untuk mereka balik ke Semenanjung Malaysia hendaklah ditetapkan sekali setahun.

Tuan Pengerusi, dalam Pecahan-kepala yang sama kita faham bahawasanya Kerajaan telah menggariskan tujuan Kementerin Pelajaran, di antara lainnya, memupuk perkembangan peribadi dan kesusilaan dan keupayaan memahami membuat pertimbangan, melahirkan buah fikiran, menyesuaikan diri dengan perubahan alam sekeliling supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Juga mengujudkan tatatertib yang tinggi dan menanamkan sifat-sifat yang betul melalui bidang-bidang pelajaran dan kegiatan luar bidang pelajaran. Disamping memperbaiki isi kandungan kurikulum dan kaedah-kaedah mengajar.

Di peringkat Maktab inilah ilmu per-guruan, kaedah-kaedah mengajar dan disiplin terhadap calon-calon guru atau pelajar-pelajar Maktab perlu ditekankan sebelum daripada pelajar-pelajar bakal guru ini bertugas sebagai guru di sekolah.

Perkembangan peribadi dan kesusilaan se-orang bakal guru itu perlu dipupuk sungguh-sungguh supaya ianya dapat memahami

keadaan membuat pertimbangan sesuatu serta menyesuaikan diri dengan perubahan alam sekeliling di mana-mana tempat ia bertugas. Tatatertib yang tinggi hendaklah diwujudkan dan sifat yang mulia perlu disemai dan ditanam ke dalam jiwa mereka melalui bidang-bidang pelajaran dan kegiatan diluar bidang pelajaran.

Tuan Pengerusi, wang sebanyak \$34.605 juta dan dicampur dengan \$15.38 juta di bawah Pembangunan, Pecahan-kepala 7 di muka surat 208 dan 209 yang ditentukan di bawah Aktiviti, Latihan Guru ini samada ianya merupakan peruntukan yang bertuah atau sebaliknya kerana ianya menjadi kunci ataupun menjadi alat yang utama bagi menentukan bagaimana corak atau sifat guru atau pendidik kepada anak-anak kita di masa hadapan.

Pada tahun 1977 bakal guru yang akan menerima latihan dijangka meningkat kepada 12,682 orang dan jumlah ini termasuklah seramai 3,239 orang calon yang akan dipilih memasuki Maktab awal tahun hadapan bagi kursus untuk mengajar sekolah menengah dan sejumlah 3,605 calon bagi kursus untuk mengajar di sekolah rendah.

Tuan Pengerusi, bakal guru ini akan menjadi pendidik selama lebih daripada 30 tahun selepas mereka tamat Maktab dan mereka-lah yang akan menentukan setengah-setengah masyarakat kita di masa akan datang.

Untuk menjadi tatapan dan renungan sejenak marilah kita melihat sepintas lalu kepada bilangan murid-murid, pelajar-pelajar kita yang ada pada tahun 1977 ini dengan meneliti kepada bilangan anak-anak kita di bangku sekolah dan di Maktab itu, mudahan kita akan tergambar bahawa samada negara kita akan bertuah, makmur dan bahagia atau sebaliknya mengikutlah apa yang mereka terima daripada guru mereka di masa mereka bersekolah.

Bilangan murid-murid:

	Orang
Sekolah Rendah meningkat	1,623,900
Sekolah Menengah ...	837,355
Menengah Vokesyenal dan Teknik	15,770
Sekolah Menengah asrama penuh dan Menengah Sains	14,949
Jumlah ...	<u>2,491,974</u>

Jumlah ini, Tuan Pengerusi, adalah merupakan lebih kurang 21% daripada penduduk negara sekarang

Saya terpaksa menekankan perkembangan peribadi ini, Tuan Pengerusi, tata-tertib atau disiplin yang tinggi di peringkat ini sebab di maktab-maktab perguruan, pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih yang terdiri dari golongan lingkungan umur 20 hingga 25 tahun yang mana terlalu muda. Biasanya orang-orang yang meningkat umur ini sentiasa bertindak, sentiasa berkelakuan tidak secucuk dengan fungsi mereka sebagai bakal guru. Di maktab ini pada umumnya boleh dikatakan soal disiplin kurang mendapat perhatian daripada pihak pentadbiran sedangkan mereka akan menjadi cermin kepada murid-murid, kepada anak-anak kita yang bakal diajar. Kata pepatah Melayu: ketam mengajar anaknya berjalan betul, atau guru kencing berdiri, murid kencing berlari. Saya mencadangkan:

- (1) Disiplin yang berasas kepada ajaran Islam yang mana kesederhanaannya menjadi teras mestilah dipupuk dan dijaga oleh pihak pentadbir untuk melahirkan bakal guru yang boleh ditcontohi dan ditauladani oleh murid-muridnya.
- (2) Tatasusila ketimuran mesti diperkekalkan seperti saling menghormati antara penuntut-penuntut dengan guru-guru atau pensyarah-pensyarah dan diantara mereka sesama mereka. Dan ini pun sememangnya sudah tersusun di dalam Islam sendiri.

Disiplin di sekolah juga patut diadakan dengan lebih ketat daripada maktab-maktab, kerana kita berhadapan dengan kanak-kanak yang masih mentah dan dalam lingkungan umur belasan tahun. Apa yang menjadi pokok kepada pencapaian matlamat ini ialah mesti diwujudkan keyakinan dan kepercayaan murid-murid itu sendiri kepada guru besar, guru-gurunya dan sekolahnya sendiri dengan harapan bahawa rasa kasih sayang mereka terhadap persekolahannya dapat disemaikan. Demikian juga, aktiviti-aktiviti yang bermatlamatkan perpaduan, kerjasama dan persefahaman mestilah diatur dan disusun oleh pihak pentadbir sekolah tanpa pilih kasih kerana dari segi saikologinya kita maklum bahawa amalan pilih kasih itu akan menyebabkan murid-murid sendiri tidak yakin kepada pentadbiran sekolah dan

akhirnya mereka akan menjadi golongan ekstrimis yang mengakibatkan mereka mencari kepuasan diri di luar aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh sekolah mereka sendiri.

Sebagai contoh, kita selalu mendengar bahawa mereka menggabungkan diri menjadi satu kumpulan yang mungkin melibatkan kegiatan-kegiatan seperti samsing-samsing, penghisap ganja dan dadah. Kalau inilah terjadi maka buruklah padahnya kepada masyarakat.

Tuan Pengerusi, di akhir-akhir ini kerap kedengaran suara pemimpin Kerajaan mahupun pemimpin-pemimpin dari parti politik amat menitek-beratkan pelajaran Islam sebagai benteng utama untuk menentang fahaman komunisma sedangkan masih menjadi persoalan umum, bahawa samada dasar ini akan diikuti dengan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh dan berkesan. Kalaulah dilihat sekarang pengajaran agama Islam hanya berkisar kepada unsur-unsur ibadat semata-mata sedangkan kita tahu Islam adalah merangkumi seluruh aspek hidup manusia, ia merupakan cara hidup. Sekiranya kita semua mempercayai kepada hakikat ini tidakkah boleh pihak Kerajaan, tidakkah boleh pihak Kementerian Pelajaran menjangkau lebih jauh lagi dengan meneroka ajaran-ajaran Islam di bidang kemasyarakatan, sains, ekonomi, pelajaran dan politik. Disiplin-disiplin ini boleh diwujudkan di peringkat sekolah menengah atas seterusnya ke peringkat universiti. Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ada tiga perkara lagi

Tuan Pengerusi: Kalau panjang sangat, saya tahan. Walaupun saya belum hadkan masa seseorang itu bercakap tetapi ada 16 orang lagi yang sudah berdiri yang ada dalam senarai saya, jadi kalau dapat diringkaskan sedikit dan beri peluang kepada yang lain.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah Saya cuba ringkaskan. Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) muka surat 203—Pengurusan Peperiksaan. Bahagian ini telah mendapat peruntukan sebanyak

\$2,206,300. Tuan Pengerusi, untuk menyelamatkan masa dalam bahagian ini, saya ringkaskan sahaja untuk saya dapat bercakap dalam bahagian buku teks lebih panjang sedikit. Saya akan menyentuh beberapa perkara di bawah aktiviti ini.

Pertama, Jadual waktu peperiksaan. Saya merasa dukacita dan tersinggung sebagai seorang Islam bila melihat kepada jadual waktu peperiksaan S.P.M., M.C.E., S.T.P., H.S.C. yang telah diatur oleh pihak yang berkenaan pada tahun ini. Kita sedar bahawa kira-kira belum sampai seminggu dari hari ini seluruh Umat Islam di dunia akan berhari raya Aidil Adha serentak pada 10 Dzulhijjah dan mungkin bersamaan dengan 2-12-1976. Setengah daripada mereka bernasib baik dan sempat mereka menunaikan fardhu haji di Mekah. Di saat keluarga umat Islam berhari raya, maka rupa-rupanya ada sebahagian anak-anak kita yang tidak dapat bersama-sama dengan keluarga mereka berhari raya. Anak-anak kita yang tidak bernasib baik itu ialah masih sebok menjawab kertas-kertas soalan di bilik-bilik peperiksaan, demikian juga Pengawas-pengawas dan Penolong-penolong Pengawas Peperiksaan menjalankan tugas mereka masing-masing.

Pada tahun ini jadual waktu peperiksaan S.P.M., M.C.E., S.T.P., H.S.C. terjatuh pada hari-hari raya. Sementara pada hari Jumaat adalah berlaku pada tiap-tiap tahun ini juga mesti dipinda. Apakah jadual waktu peperiksaan seperti ini sengaja diatur begitu rupa? Apakah jadual waktu itu datangnya dari sebuah pusat peperiksaan seberang laut di mana orang-orang yang mengaturnya tidak tahu dengan prinsip-prinsip dan maruah-maruah Islam, walau kesilapan ini datang dari pihak mana sekalipun saya mengharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya perkara yang menyentuh umat Islam ini tidak akan berlaku lagi.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perkara yang kedua, saya ingin mengetahui dan mendapat penjelasan mengapakah di kertas jawapan calon-calon S.T.P., H.S.C. sistem menulis nama di samping nombor kad

pengenalan dan angka giliran itu masih dikekalkan sedangkan kertas-kertas jawapan bagi calon-calon yang mengambil lain-lain peperiksaan seperti S.R.P. dan S.P.M. tidak dibuat begitu.

Perkara yang ketiga, saya minta supaya pengawalan ke atas kertas-kertas soalan peperiksaan mendapat perhatian yang berat untuk menjaga mutu dan pengikhtirafan sijil. Saya mencadangkan supaya pemindahan kertas-kertas soalan dari satu tempat ke satu tempat hendaklah dikawal rapi, jika perlu bantuan polis atau tentera hendaklah diperoleh pada masa-masa yang akan datang. Demikian juga simpanan pun harus dijaga dan dikawal begitu.

Perkara yang keempat, terjemahan. Soalan soalan yang diuruskan bersama antara kita dengan Cambridge perlulah diteliti segala terjemahan. Acapkali berlaku bahawa maksud soalan di dalam kertas bahasa Inggeris tidak sama dengan yang ada di dalam kertas Bahasa Malaysia.

Perkara yang kelima, perlantikan Ketua Pengawas dan Penolong-penolong Pengawas Peperiksaan. Perkara perlantikan Pengawas-pengawas dari tempat yang sama selalunya membawa kepada leniency dan kecurangan di dalam peperiksaan. Mereka tidak dapat bertugas dengan 100% mengikut aturan dan peraturan disebabkan calon-calonnya terdiri dari kenalan mereka, murid-murid mereka dan saudara mara mereka. Seharusnya pengawasan dari kawasan yang berlainan patut dititikberatkan. Walaupun Kerajaan atau Kementerian terpaksa membelanjakan wang yang lebih untuk pengangkutan dan sebagainya, jika perlu Pengawas-pengawas ini patut diberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pusat-pusat peperiksaan tempat mereka bertugas. Tuan Pengerusi, pengawalan dan kecekapan peperiksaan amatlah penting dan menjadi tanggungjawab utama Kementerian Pelajaran khususnya Lembaga Peperiksaan sendiri. Kesilapan dalam masalah ini akan membawa kejatuhan maruah negara seterusnya wang yang beratus-ratus ribu ringgit dan paling teruk sekali ialah akibat kecuai pengawasan maka calon-calon yang tidak berdosa akan terkorban.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 4100, muka surat 206, Aktiviti (3) (e) Asrama Peringkat Negeri. Peruntukan yang dicadangkan ialah \$15,610,000. Kekurangan

asrama untuk menampung murid-murid luar bandar adalah jelas, khususnya di negeri-negeri Pantai Timur. Hasil daripada kesedaran ibubapa, bilangan kanak-kanak yang masuk sekolah dari setahun ke setahun bertambah dengan pesatnya. Menyedari hakikat ini saya menyeru Kerajaan supaya mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah berasrama penuh, terutamanya di Kelantan yang mana kebanyakan ibubapanya adalah terdiri daripada rakyat luar bandar yang mempunyai pendapatan yang kecil:

- (1) Dengan adanya sekolah-sekolah berasrama penuh ini sedikit-sebanyak akan dapat menolong golongan yang tidak berada untuk mendapat pelajaran yang sewajarnya.
- (2) Memperbanyakkan sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan asrama.
- (3) Menambahkan lagi tempat-tempat di asrama yang sudah ujud kerana keadaan sekarang jauh dari mencukupi untuk menampung murid-murid yang memerlukan tempat tinggal.
- (4) Mengadakan kompleks sekolah di mana daerah yang belum ada sesuai dengan keperluan rakyat setempat.

Dalam hubungan ini saya khususnya di dalam kawasan pilihanraya saya iaitu di Bachok, kerana sebahagian besar murid-murid yang belajar di Sekolah Menengah Bachok sebagai pusat daerah ini datang dari jauh iaitu dari kampung-kampung pedalaman yang terpencil dan sukar pula perjalanannya.

RANCANGAN BUKU TEKS

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya menyentuh Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (3) (g) Rancangan Buku Teks, muka surat 206. Pada tahun 1977 kita sekali lagi bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana meneruskan Rancangan Pinjaman Buku Teks kepada anak-anak yang ibubapanya berpendapatan rendah, terutama mereka yang tinggal di luar bandar. Wang sebanyak \$25,450,000 telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Kita yakin dan percaya bahawa seluruh ibubapa amatlah gembira menyambut rancangan Kerajaan yang sungguh-sungguh memberi arti itu. Sejak rancangan ini berjalan maka ternyata sebahagian besar beban yang dipikul oleh mereka selama ini telah dapat dikurangkan. Wang yang mereka

gunakan selama ini untuk membeli buku teks anak-anak mereka bolehlah digunakan untuk keperluan-keperluan yang lain. Sekarang sampailah masanya seluruh rakyat, seluruh lapisan masyarakat ingin pula melihat dan menyaksikan apakah perubahan-perubahan, apakah kesan-kesannya hasil dari pemberian Kerajaan itu samada pelajaran anak-anak kita di sekolah terus meningkat atau mereka masih berada ditakok lama juga. Kita berharap kesan-kesannya akan jelas kelihatan di dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya. Walau bagaimanapun, dalam sorak-sorai kegembiraan menyambut pemberian Kerajaan itu dan mungkin bagi setengah ibubapa menyambut dengan linangan air mata gembira, namun kedapatan juga sedikit-sebanyak jejasnya terhadap pelajaran anak-anak kita bila mana kita menerima keputusan peperiksaan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengemukakan sedikit contoh tentang analisa keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V tahun 1975 perantaraan Bahasa Malaysia. Saya menekankan peringkat peperiksaan penilaian ini ialah kerana ianya terlibat 100% dengan sekim pinjaman buku teks. Untuk menyelamatkan masa saya hanya akan menyebut dua tiga mata pelajaran sahaja untuk menjadi tatapan kita bersama:

(1) *Bahasa Malaysia*

Sebagai bahasa ibuanda mengikut purata di negeri Semenanjung Malaysia kita belum boleh berbangga. Kita belum mencapai kelulusan sehingga 80% atau 90% walaupun ada beberapa buah sekolah-sekolah yang tertentu dalam negara kita yang kelulusan mata pelajaran Bahasa Malaysia ini meningkat ke angka 80% atau 90% lebih. Kepada sekolah-sekolah ini saya mengucapkan tahniah.

Daripada 111,696 orang calon Bahasa Malaysia, bilangan yang gagal 23.2% bersamaan dengan 25,860 orang.

(2) *Bahasa Inggeris*

Daripada 111,569 orang calon, bilangan yang gagal 59.2% bersamaan dengan 66,052 orang.

Selain daripada negeri Pulau Pinang, kesemua 10 buah negeri di Semenanjung Malaysia yang gagal Bahasa Inggeris lebih daripada 50%. Di antara

negeri-negeri yang teruk menerima kegagalan Bahasa Inggeris ialah Kelantan—negeri saya sendiri:

Kelantan	...	...	66.7%
Trengganu	...	...	65.3%
Kedah	...	...	62.1%
Johor	...	...	61.5%
Pahang	...	...	61.3%

(3) *Ilmu Hisab*

4 buah negeri yang gagal lebih daripada 50% iaitu Kelantan juga mendapat nombor satu dari segi gagal.

Kelantan	...	...	55.6%
Pahang	...	...	52.3%
Trengganu	...	...	51.4%
Kedah	...	...	50.4%

Tuan Pengerusi, melihat kepada keputusan peperiksaan yang tersebut di atas, maka nyatalah masih banyak lagi usaha-usaha dikehendaki bagi meningkatkan pelajaran anak kita itu dan ini bolehlah dilakukan oleh guru-guru dengan kerjasama ibubapanya. Kepada guru-guru saya menyeru hendaklah melipatgandakan daya-usaha mereka supaya anak-anak kita yang dahagakan ilmu pengetahuan dan pelajaran itu akan dapat diberikan dengan sempurna serta penuh dengan kebijaksanaan. Mudah-mudahan jika di peringkat rendah dapat disediakan ilmu pengetahuan yang cukup dan sempurna mengikut sukatan pelajaran yang tertentu, maka akan mudahlah anak-anak kita ini menyambung atau menerima pelajaran yang lebih tinggi di peringkat menengah dan seterusnya.

Keputusan Peperiksaan L.C.E./S.R.P., M.C.E./S.P.M. dan H.S.C./S.T.P. juga kurang menyenangkan. Kita tidak mahu selepas satu kemudahan diberi oleh Kerajaan satu alasan lain pula dikemukakan kepada umum sebagai sebab atau alasan mengapa anak-anak kita di sekolah terus mundur. Kepada ibubapa yang lebih-lebih lagi bertanggungjawab terhadap anak-anaknya hendaklah sedar dan sentiasa memberi kerjasama yang sungguh erat dan bererti kepada guru-guru dan anak-anak mereka supaya perubahan-perubahan ke arah lebih maju akan lekas tercapai.

Perkara yang kedua mengenai buku teks ini, Tuan Pengerusi, masalah murid-murid yang tidak mendapat sekim pinjaman ini. Ini biasanya terkena kepada setengah murid

di sekolah menengah yang pendapatan ibubapanya lebih daripada \$500 sebulan. Masalah yang hendak dibangkitkan di sini ialah kekurangan atau kehabisan buku di kedai-kedai. Bagi murid-murid yang tidak mendapat pinjaman buku teks ini adalah menjadi satu masalah yang berat untuk mendapatkan buku-buku yang dikehendaki di dalam masa yang sepatutnya. Meskipun dikatakan buku-buku itu ada dijual di merata kedai buku tempatan ataupun di pusat-pusat bandar tetapi apa yang berlaku pada setiap awal penggal persekolahan ialah bahawa bekalan buku teks itu tidak ada atau sekurang-kurangnya tidak mencukupi. Keadaan ini berterusan sehingga sebulan, dua bulan, kadang-kadang sampai kepada awal penggal yang kedua. Ini bukan sahaja mendatangkan beban kepada anak-anak kita dan juga ibubapa mereka malahan mereka merasa frust dan lantaran ini akan menjejaskan peperiksaan di akhir tahun, istimewa pula jika kebetulan yang menjadi masalah atau yang menjadi mangsanya terkena kepada pelajar-pelajar kita yang sememangnya menjadi harapan kepada sesebuah sekolah itu.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan bagi pelajar-pelajar yang tidak mendapat sekim pinjaman buku-buku teks supaya Kerajaan sendiri mengadakan atau menyediakan bekalan buku teks di sekolah untuk dibeli secara mudah oleh pelajar-pelajar. Mudah-mudahan dengan cara ini akan dapat menyelesaikan masalah yang rumit. Adapun tentang cara menjualnya hendaklah difikirkan oleh pihak Kementerian samada diteruskan oleh sekolah sebagai wakil Kementerian Pelajaran atau diserahkan sahaja kepada Koperasi Sekolah.

Saya menyokong anggaran peruntukan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Saya menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi telah bercakap lebih setengah jam, saya nampak di sini banyak lagi yang hendak bercakap. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Tuan Pengerusi tadi pada pukul 5.45 petang kita berkehendakkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menjawab. Saya berkehendakkan seboleh-bolehnya dipendekkan sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat supaya beri peluang semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat bercakap.

4.29 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan sependek-pendeknya. Tuan Pengerusi, yang pertama saya suka hendak menyebut dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pelajaran ini mengenai Kepala B. 29, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1). Apa yang saya hendak sampaikan di sini ialah sungutan-sungutan yang diterima daripada setengah-setengah murid dan ibubapa di kampung-kampung mengenai kekeliruan yang terdapat daripada guru-guru yang mengajar di luar-luar bandar iaitu guru-guru yang dikontrek daripada Indonesia.

Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan iaitu guru-guru yang datang daripada Indonesia ada yang beragama Islam dan ada yang bukan beragama Islam—ertinya beragama Kristian. Apa yang saya maksudkan kalau boleh dan seboleh-bolehnya guru-guru yang hendak datang mengajar di sekolah-sekolah di Malaysia ataupun yang hendak datang ke Malaysia ini seboleh-bolehnya hendaklah ditapis bahawa guru-guru yang beragama Islam sahaja diambil mengajar di sini. Kalau keadaan ini tidak dapat dilakukan, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menimbangkan hanya guru-guru yang beragama Islam sahaja yang dihantar mengajar di sekolah-sekolah di luar-luar bandar. Sebab kekeliruan berlaku, kalau guru-guru yang bukan beragama Islam ini. Saya tidak hendak mengatakan guru-guru India ataupun China, sebab kalau guru-guru India dan China ini dapat dibezakan selalu. Ertinya sudah tentu murid-murid dapat membezakan yang guru-guru ini bukan beragama Islam. Tetapi kalau guru-guru yang datang daripada Indonesia ini susah hendak dibezakan, sebab perawakannya adalah sama di antara yang beragama Islam dengan yang bukan beragama Islam. Kalau kebetulan di bulan puasa umpamanya ataupun di hari-hari yang tertentu, bagi guru-guru yang bukan beragama Islam ini tentulah tidak berpuasa tidak mengamal sebagaimana orang-orang Islam. Jadi, kepada murid-murid di luar bandar yang hampir keseluruhannya beragama Islam menjadi salah anggap. Mereka itu akan menganggap bahawa guru sendiri tidak puasa sedangkan guru ini tidak beragama Islam. Ertinya tidak salah mereka itu tidak berpuasa, tetapi salah

anggapan. Oleh itu saya mengharapkan supaya perkara seperti ini diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Saya juga suka menyentuh sedikit mengenai Aktiviti (4) di bawah Pecahan-kepala yang sama, Pengurusan Peperiksaan. Saya masih berpendapat bahawa bayaran peperiksaan sekarang ini masih tinggi kalau hendak mengukur kepada kemampuan orang orang kampung. Walaupun saya sendiri menyedari bahawa banyak juga bayaran peperiksaan ini didapati daripada yayasan-yayasan dan badan-badan yang tertentu, tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa banyak di antara murid-murid kita menghadapi masalah yang rumit dan berat mengenai masalah bayaran peperiksaan ini. Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji dan menimbang semula mudah-mudahan dapat diturunkan bayaran peperiksaan ini.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyebut sedikit di bawah Kepala P. 29, Pecahan-kepala 18—Perkhidmatan Sebaran Pendidikan. Saya berpendapat bahawa perkhidmatan ini sehingga sekarang belum mencukupi dan belum memuaskan hati. Walaupun kita menyedari bahawa sebaran pendidikan ini diadakan melalui TV, dan sebagainya, tetapi amat kurang kita dapati sebaran ini diadakan melalui penulisan yang saya berpendapat amat diperlukan oleh murid-murid khususnya murid-murid di daerah ataupun murid-murid di sekolah rendah. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya melipatgandakan dan meluaskan lagi hal ini mudah-mudahan kita dapat memberi galakan dan memberi kemudahan-kemudahan yang tertentu bagi murid-murid untuk mereka itu maju di dalam pelajaran mereka.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala yang sama dan Pecahan-kepala 8—Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Saya amat gembira pihak Kementerian yang berkenaan merancang untuk mengadakan rumah-rumah guru di luar bandar dan saya berpendapat bahawa memang patut rumah-rumah guru ini diadakan di sekolah-sekolah di luar bandar untuk kepentingan guru-guru. Tetapi satu perkara yang saya rasa amat malang sekali, kadang-kadang rumah-rumah guru yang dibuat oleh pihak Kerajaan di luar-luar bandar ditinggalkan begitu sahaja. Saya masih melihat banyak rumah-rumah guru yang ditinggalkan

yang tidak didiami ataupun tidak diduduki oleh guru-guru, sedangkan ada setengah-setengah guru itu sanggup berulang alik ke sekolah lebih daripada 40 batu sehari. Ertinya berulang alik lebih daripada 80 batu. Masaalah ini sudah tentu kita sendiri dapat memahami, Kalau guru-guru berulang alik lebih kurang 80 batu satu hari, maka sudah tentu akan mengganggu perkhidmatan mereka kepada murid-murid dan kadang-kadang inilah yang menyebabkan guru-guru ini terlewat datang ke sekolah dan ini akan ditanggung kerugiannya oleh anak-anak kita juga.

Rumah-rumah guru ini apabila dibuat kebanyakannya tidak diberi kemudahan-kemudahan asas. Kadang-kadang oleh kerana ketepatan sekolah itu letaknya di tempat tinggi, di anak-anak bukit, maka rumah-rumah guru ini pun dibuat di anak-anak bukit ini dan tidak diberi kemudahan-kemudahan air. Kalau hendak dikatakan kemudahan api, kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar ini tidak sampai bekalan api. Walau bagaimanapun, saya mengharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dalam melaksanakan rumah-rumah untuk guru ini dapat diteliti benar-benar supaya rumah-rumah ini dibuat dan akan diduduki oleh guru-guru yang berkenaan. Kalau boleh, pihak yang berkenaan hendaklah memaksa guru-guru yang berkenaan itu tinggal di rumah-rumah yang disediakan oleh pihak Kerajaan supaya jangan kita membazirkan dan mengadakan rumah itu dengan sia-sia. Lagi pun kalau guru-guru ini tidak duduk di rumah yang disediakan, saya dapati banyak ibubapa sendiri merasa amat keciwa, sebab perkara-perkara ini berlaku dan sekarang ini masih banyak berlaku masaalah guru-guru tinggal amat jauh. Kalau 5, 6 batu atau 10 batu kita katakan tidak jauh, tetapi amat jauh daripada sekolah. Perkara ini saya mengharapkan benar-benar supaya Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang berat moga-moga tidak datang kekeciwaan kepada ibubapa dan kepada anak-anak kita di luar bandar.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala P. 29, objek 3100—Tanah.

Tuan Pengerusi, masaalah ini saya dapati banyak kawasan-kawasan sekolah yanguduknya di dalam bandar dan di dalam kawasan-kawasan yang tanahnya berharga tinggi. Tetapi pihak Kementerian yang berkenaan, saya tidak berani kata tidak mengambil berat, tetapi tidak berusaha mengambil

tanah-tanah yang ada di sekitar kawasan sekolah itu. Kadang-kadang sehingga menyebabkan tanah itu diperolehi oleh orang lain ataupun badan-badan Kerajaan yang lain. Apabila sampai waktunya sekolah ataupun kawasan sekolah ini hendak diperbesarkan, maka timbul berbagai masaalah, timbul masaalah bayar mahal, susah hendak diambil balik tanah itu dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan kepada Kementerian ini supaya mengambil perhatian dan mengambil tindakan segera sekiranya pihak Persatuan Ibubapa ataupun pihak sekolah itu merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya diambil ataupun diminta tanah-tanah Kerajaan yang berhampiran dengan sekolah-sekolah. Ini hendaklah diambil tindakan segera supaya tanah ini tidak terlepas kepada orang lain yang akan menjadi kesukaran kepada pihak sekolah itu untuk meluaskan kawasan sekolahnya. Ini banyak berlaku di dalam negara kita, khususnya apa yang saya alami sendiri umpamanya di Trengganu, banyak berlaku perkara-perkara seperti ini. Sedangkan kita sendiri menyedari bahawa pertambahan murid-murid pada tiap-tiap tahun memang berganda-ganda. Keperluan kawasan sekolah yang luas memang tiap-tiap tahun akan dikehendaki. Jadi, kalau kita biarkan tanah-tanah yang masih berpeluang kepada pihak Kementerian Pelajaran untuk mengambil tanah-tanah itu dijadikan hak sekolah, saya merayu dan saya memohonkan supaya disegerakan bertindak dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah kemudahan, saya masih menerima rayuan ataupun aduan daripada pihak sekolah menengah rendah ataupun sekolah menengah di luar bandar. Mereka itu masih membandingkan kemudahan yang mereka dapati dengan kemudahan yang diperolehi di dalam bandar sehingga sekarang ini didapati masih banyak perbezaan kemudahan yang didapati di antara sekolah di luar bandar dengan sekolah di dalam bandar. Oleh itu saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya menimbangkan masaalah kemudahan ini hendaklah diberi sama kepada sekolah di luar bandar, sebab kita semua ingin supaya anak-anak di luar bandar sama-sama mendapat kemudahan, sama-sama maju di dalam matapelajaran dengan murid-murid yang ada di dalam bandar.

Sekian dan saya menyokong peruntukan Kementerian berkenaan.

4.42 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap pendek sahaja dan untuk menjimatkan masa, saya tidak akan menyebut tajuk, cuma menyentuh Kepala B. 29 dan P. 29.

Tuan Pengerusi, kita semua telah mendengar bahawasanya peruntukan Kementerian ini adalah satu peruntukan yang terbesar mengikut Lapuran Ekonomi 1976 sejumlah 23% adalah untuk perkhidmatan sosial dan daripada 23% itu 2/3 daripadanya diuntukkan kepada Kementerian Pelajaran. Tujuan Kerajaan memanglah elok iaitu hendak meninggikan mutu pelajaran dan cara hidup rakyat Malaysia ini melalui pelajaran.

Dalam perkara pentadbiran yang disebutkan di sini, inginlah saya menunjukkan beberapa perkara yang berkehendakkan perubahan, kerana Kementerian Pelajaran dipertanggungjawabkan atas perkara yang amat berat untuk menentukan masa hadapan negara kita dalam semua bidang melalui apa yang dikatakan belia, kerana 60% warganegara kita dalam Malaysia ini terdiri daripada belia atau anak-anak muda yang kebanyakan masih lagi dalam bangku sekolah ataupun di peringkat sekolah menengah, universiti dan sebagainya. Dalam perkara ini ingin saya mencadangkan kepada Kerajaan, kalaulah Kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dapat Kerajaan metitik-beratkan pembangunan luar bandar sehingga mempunyai dua timbalan menteri, patutlah Kerajaan mengadakan dua timbalan menteri di Kementerian Pelajaran ini terutama sekali dalam keadaan sekarang memandangkan Menteri Pelajaran juga menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ini bukanlah tujuan saya hendak menunjukkan Kementerian ini kucar-kacir ataupun Menteri dan Timbalan Menteri yang ada sekarang tidak boleh menyempurnakan tugasnya, tetapi supaya dari segi pentadbiran akan dapat dilicinkan segala rancangan-rancangan yang telah diutarakan dalam Lapuran Ekonomi dan juga bentuk-bentuk rancangan yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil berat masalah latihan dan biasiswa yang sentiasa kita beri kepada murid-murid terutama kepada murid-murid di seberang laut. Dalam perkara ini, saya sangat menyokong

kenyataan yang dikeluarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor baru-baru ini. Saya rasa inilah Sultan yang pertama mengeluarkan satu kenyataan yang menitik-beratkan masalah penyalahgunaan dadah. Baginda tidak akan memberi pengampunan dan juga menegur masalah penuntut di luar negeri. Kita tahu murid-murid ataupun penuntut di luar negeri itu boleh dianggap sebagai duta kepada negara kita. Orang di luar negeri apabila mendengar setiap pertuturan dan pemikiran murid-murid yang datang dari negara kita, itulah anggapan atau gambaran yang dapat diberi. Saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil berat dalam perkara murid-murid yang hendak keluar negeri patutlah diberi kursus berbentuk orientasi dahulu supaya mereka tahu tanggungjawab dan selok-belok keadaan negara ini apabila mereka berada di luar negeri, apabila bercakap dan menjawab soalan-soalan dari sahabat-sahabat mereka di luar negeri. Ini amatlah penting, kerana kalau penuntut-penuntut kita di luar negeri mempunyai pengetahuan yang lemah dalam bidang general knowledge atau sivik keadaan negara kita, apabila mereka berada di luar negeri senang sahaja mereka terpengaruh dengan keadaan di negara lain terutama sekali apabila mereka telahpun berjauhan daripada ibu-bapa dan saudaramara dan tempat mencari nasihat dan sebagainya. Kita juga maklum pada satu ketika dahulu di zaman penjajah, pegawai-pegawai daripada Great Britain sebelum datang ke negara ini, mereka terpaksa memasuki School of Oriental Studies supaya mereka mengetahui dengan sedalam-dalamnya dan melengkapkan diri. Begitu juga kalau boleh cadangan ini supaya diadakan kursus orientasi untuk tujuan melengkapkan penuntut kita apabila mereka keluar negeri. Mereka tahu tanggungjawabnya, tidaklah seperti hari ini cuma berkehendakkan diisi borang-borang dan tidakpun ditemui oleh pihak Kerajaan, walaupun ditemui ialah oleh pegawai-pegawai yang hendak menguruskan pemergian mereka sahaja.

Kepala Pembangunan P. 29. Memandangkan negara kita sedang membangun atau berkehendakkan pelabur-pelabur dan Kerajaan telahpun meluluskan Perjanjian Petroliaam, tentulah ramai pakar-pakar dan orang luar (expatriate) yang datang ke negara ini untuk berkhidmat atau berniaga, tetapi kesulitan yang sentiasa mereka hadapi ialah masalah pelajaran anak-anak mereka.

Terpaksa mereka tinggalkan anak-anak mereka di satu tempat ataupun dihantar ke tempat tertentu, walaupun ibubapanya tinggal di negara kita. Saya cadangkan supaya Kerajaan mengadakan sebuah sekolah antarabangsa yang dikatakan international school supaya dapat kita mengawasi dan juga menambah pendapatan negara dan keadaan pelajarannya boleh diawasi dan diketahui. Kalau Kerajaan sendiri mentadbir atau menjaganya, saya percaya ramailah pegawai-pegawai asing itu memasukkan anak-anak mereka ke sekolah itu dan dengan itu dapat juga murid-murid itu bercampur-gaul dan mengetahui keadaan negara ini. Ini penting, sebab sehingga hari ini negara kita belum lagi mempunyai satu sekolah berbentuk antarabangsa yang mana boleh memberi peluang kepada anak-anak bukan warganegara belajar di sini. Pada hari ini mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah antarabangsa di Singapura dan lain-lain tempat. Dengan itu juga akan dapat menambah pendapatan negara.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, tadi saya ada mendengar dari sahabat-sahabat saya menyebut keadaan guru-guru wanita yang mengajar di sekolah-sekolah yang mengatakan boleh melembabkan pelajaran anak-anak dan sebagainya. Saya bersetuju daripada satu aspek iaitu guru-guru wanita ini tak dapat menguasai murid-murid di sekolah itu kerana apabila hendak datang mengadakan extra mural activities di sebelah petang. Saya rasa daripada sikap guru-guru wanita ini amat baik kerana mereka wanita dan juga ibu, mereka itu mengajar lebih tekun dan lebih sempurna atau lebih serius. Masaalah yang timbul apabila hendak meminta guru-guru wanita ini bertugas selepas sekolah. Maklumlah kadang-kadang guru-guru wanita ini bernasib baik berkahwin dengan pegawai-pegawai tinggi, jadi guru-guru besar ada ketikanya segan-silu sedikit minta guru-guru wanita ini bertugas sebelah petang kerana ada hubungannya. Jadi, saya minta dalam perkara ini Kementerian Pelajaran mengawasi sedikit supaya jangan menyusahkan guru-guru besar ataupun penolong-penolong guru besar hendak meminta kerjasama daripada guru-guru wanita sebagai isteri seorang pegawai tinggi. Kepada guru-guru wanita saya suka menasihatkan sebagai seorang bapa dan seorang Wakil Rakyat janganlah mengambil kesempatan kalau suaminya berpangkat tinggi menggunakan kuasa-kuasa yang ada padanya.

4.52 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Kepala P. 29 dan Pecahan-kepala 1 Pelajaran Rendah.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1977 sejumlah \$43,591,460 adalah disediakan bagi Semenanjung Malaysia untuk menyiapkan kerja-kerja bagi projek-projek baru iaitu pembinaan bilik-bilik darjah baru, bilik darjah tambahan dan menggantikan bangunan sekolah lama. Dengan peruntukan ini saya merayu sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk menggantikan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China di Kampung-kampung Baru, khasnya di Kampung Baru, Juru di kawasan Bukit Mertajam. Kerana seperti yang saya katakan selalu sekolah-sekolah di kampung baru telah lama dibina dengan bahan-bahan kayu yang murah dan telah reput dan bumbungnya dipasang dengan zinc atau corrugated iron. Oleh kerana keadaan begitu bilik darjah hawanya panas masa hari yang panas dan pada masa hujan air tempias masuk ke bilik darjah. Lembaga Pengelola sekolah ini ada membuat permohonan kepada Jabatan Pelajaran semenjak tahun 1972 untuk mendapatkan bantuan membarui sekolah ini, tetapi sampai sekarang tidak mendapat apa-apa layanan daripada pihak Kerajaan. Oleh kerana itu Lembaga Pengelola sekolah ini telah merasa jemu dan baru-baru ini Ahli-ahli Lembaga Pengelola telah mengambil keputusan untuk mencukur rambut kepala ahli-ahli Lembaga semuanya hingga botak untuk mengutip derma kerana membarui sekolah ini.

Sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memberi pertimbangan yang saksama atas permohonan Sekolah China Kampung Baru, Juru supaya dapat mengelakkan perkara ini berlaku.

Saya suka berucap sedikit di bawah kepala B. 29, Pecahan-kepala 2300—Perhubungan. Di sini saya suka merayu kepada Menteri memberi pertimbangan yang saksama atas permohonan guru-guru khasnya guru-guru wanita yang bersuami untuk bertukar ke tempat dekat suaminya bekerja. Kita semua tahu banyak guru-guru yang bersuami bekerja jauh daripada suami dan ini boleh menimbulkan masalah sosial. Untuk mengelakkan masalah-masalah ini saya harap

guru-guru yang bersuami hendaklah ditukar ke tempat di mana suaminya duduk dan bekerja. Saya menyokong anggaran ini.

4.56 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap dalam Kepala Pembangunan 29, muka surat 209 dalam Pecahan-kepala 7—Latihan Guru. Bagi aktiviti latihan guru kita nampak Kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak \$58 juta untuk menjalankan latihan guru. Peruntukan ini adalah melebihi lebih kurang 40% dari tahun 1976 dan juga kita dapat tahu pada tahun 1977 Kerajaan atau Kementerian Pelajaran akan mengambil sejumlah 12,000 orang untuk latihan menjadi guru.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh masalah guru-guru sementara. Pada pagi 30-10-76 lebih kurang 800 guru-guru sementara dari-dari negeri-negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pahang, Kedah, Perlis, Penang dan juga dari Kelantan adalah berkumpul dekat Stadium Negara. Tujuannya ialah untuk mendapat kebenaran temuduga dengan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran supaya meminta Yang Berhormat Menteri berkenaan timbang dan memberi peluang kepada mereka untuk latihan menjadi guru tetap. Malangnya, tunjuk perasaan yang damai ini telah gagal selepas campurtangan pihak Polis. Jadi masalah sekarang ialah adakah adil bagi Kerajaan menafikan peluang guru-guru sementara untuk latihan menjadi guru-guru tetap. Adakah Kerajaan sedar dan mengaku kepentingan perkhidmatan guru-guru sementara apabila Kerajaan kekurangan guru-guru. Jadi adakah adil Kerajaan membuang perkhidmatan mereka apabila Kerajaan suka membuang mereka.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan kepada Kementerian ini menyerab (absorb) semua guru-guru sementara untuk latihan.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Kerajaan ada rancangan menyerap guru-guru sementara untuk latihan tetapi rancangan sekarang ini tidak memuaskan. Oleh kerana Kementerian ada syarat-syarat minima untuk melatih guru-guru sementara dan saya dapat tahu ada lebih kurang 350 orang guru-guru sementara tidak dapat melatih untuk latihan oleh kerana mereka tidak ada cukup syarat-syarat minima yang dikhaskan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, atas fahaman manusia saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran membatalkan syarat-syarat minima dan memberi peluang kepada semua guru-guru sementara untuk latihan.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang saya suka sentuh di sini ialah masalah kekurangan sekolah rendah jenis kebangsaan China di kawasan saya, Petaling Jaya. Saya suka mengalu-alukan satu pengumuman beberapa minggu yang lalu bahawa Kementerian Pelajaran akan membina dua buah sekolah baharu di kawasan Petaling Jaya.

Ini adalah perlu, oleh kerana penduduk-penduduk di kawasan Petaling Jaya adalah bertambah beberapa kali ganda. Di samping itu saya suka juga mengesyorkan kepada Kerajaan membina sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan China di kawasan Petaling Jaya, oleh kerana hingga sekarang baru ada satu buah sekolah rendah jenis kebangsaan China, dan sekolah di kawasan Petaling Jaya itu telah tidak mencukupi untuk memasuki murid-murid yang baru. Jadi tiap-tiap tahun lebih kurang ada 500 murid-murid yang baru berdaftar tidak dapat peluang masuk sekolah rendah jenis kebangsaan China di kawasan Petaling Jaya, oleh kerana tidak ada cukup tempat untuk mereka. Ini adalah masalah besar di kawasan Petaling Jaya dan ini juga aspirasi-aspirasi ibubapa yang menduduki di Kerajaan atau Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat atas perkara ini dan menjalankan satu kajian untuk membetulkan perkara yang serious dan perlu ini dan saya harap dalam Rancangan Malaysia Ketiga satu sekolah rendah jenis kebangsaan China akan dibina di kawasan Petaling Jaya.

5.05 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian Pelajaran ini di peringkat Jawatankuasa, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja khasnya masalah-masalah di dalam kawasan saya sendiri. Perkara pertama, ialah di bawah P. 29 muka surat 209, Pecahan-kepala 8—Rumah Guru-guru Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, Jengka Tiga Segi ini ialah satu kawasan FELDA yang luasnya sama besar dengan Singapura. Di dalamnya terkandung 23 rancangan FELDA dan setelah

siap diterokai Jengka Tiga Segi ini penduduknya akan mengandungi lebih daripada 100,000 orang. Setakat tahun 1976 ini peneroka yang ada ialah 65,000 orang. Dan separuh Jengka Tiga Segi itu adalah termasuk dalam kawasan Parlimen Maran. Sekolah-sekolah yang ada itu sekarang ini bolehlah dikatakan cantik, indah kawasannya baik. Ada beberapa sekolah rendah dan juga beberapa sekolah menengah rendah. Tetapi malangnya rumah-rumah guru hampir tidak ada. Inilah satu perkara yang sangat menyulitkan guru-guru di situ dan juga yang menjejaskan pelajaran murid iaitu yang terdiri daripada anak-anak peneroka ini tadi. Saya tidak mengharapakan Kementerian ini membuat rumah secara moden tetapi sekurang-kurangnya kalau Kementerian ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat mendirikan rumah-rumah murah tidak jauh bezanya dari rumah-rumah peneroka, saya ingat ini adalah dapat diterima oleh guru-guru di situ dengan baik, kerana sekarang ini mereka terpaksa berulang alik beberapa batu dan ini sangatlah menjejaskan pelajaran murid-murid diseluruh kawasan Jengka ini.

Saya tahu telah banyak Ahli-ahli di sini membangkitkan mengenai berkenaan dengan rumah guru. Saya juga faham masalaah yang dihadapi oleh Kementerian dalam hal ini adalah sangat besar, mengapa keutamaan hendak diberi kepada Jengka Tiga Segi. Mungkin lahir pertanyaan seperti itu. Perak juga minta, Pulau Pinang juga minta, Kedah minta, Perlis minta seluruh negeri minta. Ini saya faham. Tetapi Kerajaan mestilah menye dari bahawa Jengka Tiga Segi inilah tempat terkumpulnya kaum bangsa Melayu daripada seluruh negeri yang selama ini telah tertindas oleh kemiskinan. Kerajaan semenjak beberapa tahun dahulu telah bercadang, berhasrat baik supaya orang yang tertindas keturunan demi keturunan oleh kemiskinan ini patutlah diberi tempat yang baik, diberikan kemudahan hidup kepada mereka yang selama ini mereka tidak pernah nikmati. Itulah sebabnya Jengka Tiga Segi ini telah mempunyai master plannya sendiri, dia mempunyai sebuah bandar yang moden; di situ juga akan didirikan pusat, didirikan sebuah hospital yang moden dengan alat perubatan yang moden, sistem pengangkutannya juga moden. Mengapa Kerajaan di tengah-tengah hutan negeri Pahang setelah dibuka dan memberi segala-galanya moden kepada orang yang tidak bersekolah. Tidak lain dan

tidak bukan ialah hasrat Kerajaan hendak membela kaum yang selama ini tertindas oleh kemiskinan, bukan miskin baru, miskin lama, salah emak bapa mereka itu tidak menyekolahkan mereka, emak bapanya itu kerana salah datuknya tidak bersekolah kerana kemiskinan. Jadi itulah tujuannya, dan jikalau bandar hendak didirikan secara moden, perubatan moden akan diberikan, sistem pengangkutan yang moden akan diadakan dan telahpun diadakan, mengapa pihak Kementerian Pelajaran tidak boleh memberi kelengkapan yang secukupnya iaitu setimpal ataupun memenuhi dengan konsep pembangunan Jengka pada mula awal Jengka itu telah dibuka.

Kerajaan juga khasnya Kementerian ini haruslah memikirkan bahawa pembangunan wilayah ini patut menjadi contoh, patut menjadi satu contoh bukan sahaja kepada negara ini tetapi juga menjadi contoh kepada pelawat-pelawat luar. Apakah konsep pembangunan kita dan apakah kemudahan-kemudahan yang patut kita beri kepada orang yang kita hendak bela nasib mereka itu. Jadi memang pada awalnya konsep pembangunan itu ialah untuk memberikan segala kemudahan dan saya berharap sekali lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini kemudahan seperti perumahan guru itu patut sangatlah diadakan. Bukan rumah cantik, bukan rumah daripada batu-batan dan simin tetapi rumah kayu yang murah asalkan ada tempat—itu sudah memadai.

Kedua, Tuan Pengerusi, Kepala P. 29, Pecahan-kepala 1, muka surat 208 iaitu Pelajaran Rendah. Banyak juga sekolah-sekolah di dalam wilayah Jengka Tiga Segi ini tidak mempunyai padang-padang bola. Saya percaya pendidik-pendidik semua atau guru-guru tentulah bersetuju dengan saya iaitu pembangunan jasmani ini tidak kurang pentingnya daripada pelajaran akademik. Mereka ini tidak ada padang sudah bertahun-tahun bukannya baru, seperti sebuah sekolah di FELDA Bukit Tajau. Saya juga telah bercakap dengan Ketua Pengarah Pelajaran Pahang dan saya telah diberitahu bahawa sekolah yang telah ada di mana-mana juga di negeri ini yang tidak ada padang bola akan mendapat priority yang rendah. Jadi kata beliau mengikut estimate Kerajaan apabila ada sekolah, ada padang, apabila ada sekolah tidak ada padang, mungkin kesilapan yang berlaku pada masa dahulu dan tidak ada kemungkinan bahawa

padang bola ini akan diperolehi. Ini terpulanglah kepada Wakil Rakyat tempatan untuk berjumpa dengan J.K.R. meminta disodokkan (level) padang bola dan J.K.R. pula akan memberi berbagai alasan katanya: Bulldozer tidak ada, grader tidak ada, kelengkapan tidak cukup, banyak hendak buat projek lain. Kadang-kadang sehinggakan perkara ini menyebabkan orang-orang di situ putus asa, murid-murid terpaksa berlari di atas jalanraya dan di kawasan-kawasan lapang tanpa padang yang sempurna. Padang ini penting oleh kerana tiap-tiap rancangan ini adalah berasingan dengan kawasan lain—isolated. Jadi perhubungan tidak banyak, tidak ada padang yang dekat yang boleh mereka tumpang. Community di situ self-contained, di situlah kedai, pusat kesihatan dan segala-galanya. Jadi kemudahan asas ini adalah perlu dan saya berharap Kementerian memberikan sepenuh perhatian di dalam hal ini.

Di bawah Kepala yang sama ini adalah saya rasa sesuai juga untuk saya sebutkan di dalam membincangkan peruntukan Kementerian ini iaitu mengenai pengangkutan. Di dalam Dewan ini apabila kita mengemukakan masalah pengangkutan kurang, murid-murid keciciran—Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan memberi jawapannya sendiri iaitu menunggukan pihak bas untuk minta bas yang lebih dan sebagainya. Soal kita itu dijawab, tetapi masalaahnya yang dihadapi oleh rakyat, tidak selesai, masalah sekarang ini tidak selesai, soal-jawab kita bak kata pepatah Melayu: Menang sorak alah sabung. Ini satu masalah di tempat saya di Lubok Paku, sebuah kampung di tebing sungai, kampung lama muridnya lebih kurang 100 orang. Di kampung lama ini tidak diadakan sekolah, tetapi sekolah diadakan di sebuah kampung yang lebih kurang tiga batu jauhnya daripada Lubok Paku, sebuah kampung Senggara namanya. Sekolah ini pula entah bagaimana pihak Kementerian dan pihak yang berkuasa negeri merencanakan, sekolah ini dibuat di lereng bukit, di sebuah kampung yang penuh dengan bukit-bukau, tidak ada kemudahan padang bola di situ. Pengangkutan bas jarang-jarang, satu jam sekali baru ada, jadi murid yang daripada Lubok Paku ini hendak pergi ke Senggara bersekolah kadang-kadang ditinggalkan oleh bas dan terpaksa lambat ke kelas sehingga sejam. Kalau nasib baik sempat menaiki bas dan

kalau ada pekan sari orang ramai mereka ditinggal oleh bas, bas ada tetapi tidak muat mereka bangun pagi pun tidak ada guna juga. Bila balik hendak menunggu bas pula, mereka kena membuat pilihan, hendak tunggu bas 45 minit awal daripada sekolah tutupkah ataupun hendak tunggu bas dua jam lewat daripada sekolah tutup. Kalau hendak tunggu sampai sekolah tutup bas yang datang ialah bas yang dua jam lewat, bermakna petang sampai ke rumah. Jadi, mereka pilih untuk menaiki bas yang awal 45 minit daripada sekolah tutup dan sampai ke rumah pukul 1.00 atau 1.30 petang. Ini menyebabkan mereka rugi dalam pelajaran.

Perkara ini telah dikemukakan kepada Pengarah Pelajaran Pahang, Pengarah Pelajaran Pahang pula telah mengemukakan kepada syarikat bas, tetapi seperti yang kita bahaskan dalam Dewan ini, syarikat bas itu jikalau tidak ekonomik, dia tidak mahu berjalan lebih kerap daripada sekarang. Apabila perkara ini kita rayu kepada Kementerian, maka jawab Kementerian sekolah dalam negeri Pahang sama seperti di negeri Trengganu memang menghadapi masalah ini, tidak ada sekolah yang dekat dengan kampung kerana kampung terpencil. Jadi, tiap-tiap sekolah yang didirikan itu memang jauh dengan kampung-kampung di sekelilingnya. Ini mungkin benar tetapi saya rasa perkara ini patut dikaji dengan pihak yang berkuasa melihat sendiri keadaan itu dan kemudian memberi keputusan. Walau bagaimanapun, masalah seperti ini hendaklah diatasi kerana masalah ini adalah masalah yang too late, masalah ini telah dibangkitkan bertahun-tahun dahulu, tetapi sehingga hari ini belum lagi mencapai sesuatu keputusan. Itulah harapan saya dan juga orang-orang di kawasan saya supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera dan pihak yang berkuasa hendaklah pergi melihat tempat itu, mengkaji semula dan memberi keputusan ataupun bertindak dengan secara yang memuaskan hati orang-orang di tempat itu.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, di bawah Kepala P. 29 Pecahan-kepala 2—Pelajaran Menengah. Di sini saya berbalik kepada masalah Jengka Tiga Segi tadi, di Rancangan Jengka Empat ada sebuah sekolah menengah rendah. Sekolah menengah rendah ini menampung murid-murid daripada empat ke lima rancangan yang disekitarnya. Sekolah pusat seperti ini patutlah Kementerian memberikan perhatian yang penuh

kerana di sinilah lahirnya intellect Melayu besok yang datang daripada kawasan Jengka Tiga Segi ataupun sebahagian daripada Jengka Tiga Segi—tidak ada tempat lain. Jadi berilah kemudahan seperti kemudahan letrik, air, rumah guru, rumah guru tidak ada di sana, yang ada hostel tetapi penuh sesak. Padang bola pun keadaannya dahsyat. Ini kita boleh panggilkan dalam wilayah Jengka itu ataupun sebahagian daripada Jengka itu sekolah pusat. Kita hendak melahirkan intellect Melayu. Intellect Melayu yang ada pada hari ini semuanya datang daripada kampung dan desa belaka, tetapi mereka ini adalah di antara orang yang berpeluang dapat belajar ke sekolah tinggi, pintar sedikit akalnya dihantar ke M.C.K.K. (Malay College Kuala Kangsar) dan sebagainya, tetapi betapa halnya dengan murid-murid yang banyak tinggal lagi. Ini Kementerian harus memerhatikan di atas perkara ini dan saya mohon di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini diadakan peruntukan bagi Sekolah Jengka Empat.

Seperkara lagi mengenai dengan sekolah rendah juga, iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Bota, Chenor. Sekolah ini dirancang pembangunannya semenjak, kalau tidak silap saya, tahun 1971 di atas desakan dan Kerajaan mengetahui juga di atas keperluan maka Sekolah Kebangsaan Bukit Bota ini patut dibina. Kerajaan telah mendapatkan satu tapak, tetapi malangnya Kerajaan tidak membayar wang pampasan kepada tuan tanah. Dan saya dengar khabar tuan tanah protest, dia tidak beri kontraktor datang. Bila kontraktor datang dengan bulldozer, disuruhnya balik, sebab wang pampasan di bawah Land Acquisition itu belum dibayar. Jadi projek ini terbengkalai juga. Saya tidak faham. Kalau betul tanah itu sudah diambil, sudah di acquire, tidak ada sebab mengapa projek itu ditangguhkan oleh kerana tuan tanah protest. Mana ada dalam undang-undang mengatakan tuan tanah boleh protest dengan secara itu? Dalam peraturan undang-undang yang ada sekarang ini apabila tanah itu telah digazet, atau diambil, tuan tanah boleh protest mengenai dengan harga sahaja. Mengenai dengan harga, kalau Kerajaan bayar lambat sedikit pun, harga ganti-rugi, itu tidak menjadi masalah. Terangkan kepada tuan tanah bahawa mengikut peraturan undang-undang yang ada apabila tanah itu digazetkan, maka ianya diambil. Kalau hendak lawan mengenai harga-lawan, pakai

peguam. Kalau tidak hendak lawan, tunggu sahaja bayarannya bila sampai. Mengapa kita terpaksa tunduk kepada tuan tanah dengan cara tidak mengikut peraturan undang-undang, kerana ini melibatkan Kementerian dengan tuan tanah, bukan di antara orang perseorangan dengan orang perseorangan. Jadi dengan sebab itu projek ini terbengkalai. Ini juga saya minta Menteri yang berkenaan ataupun pegawai ini membuat, penyiasatan dan melaksanakan projek ini dengan segera. Kalau tidak, orang kampung akan bising lagi, mereka akan bercakap, akan mengeluarkan kata-kata yang tidak sedap terhadap Kerajaan. Yang memikunya ialah kami, Wakil Rakyat.

Pelajaran agama ini saya faham, saya tahu bahawa perkara agama ini adalah perkara Negeri, Yang di-Pertuanya Sultan. Tetapi di sini saya ingin pihak Kementearan memikirkan semula perkara ini dengan sebaik-baiknya. Sungguhpun perkara agama ini perkara Negeri, manakah jalan, adakah sesuatu jalan, adakah sesuatu lubang di mana Kementerian ini boleh mengambil tahu hal pelajaran agama. Di Pahang sekarang ini sudah ada 46 jawatan guru agama kosong, sebab guru agama yang sudah berpencen tidak berganti. Setengah sekolah sudah satu tahun tidak ada guru agama. Guru yang berpencen tidak berganti fasal apa? Fasal kekeliruan, pertelingkahan di antara Federal dengan State. Kata Federal, dia hendak bayar gaji guru agama, dia hendak lantik guru agama; kata State, agama ini kuasa State, State tidak boleh lepaskan. Perkara ini sudah bertahun berlaku. Jadi saya tidak masuk campur dalam dua pihak yang bertelingkah ini, tetapi saya cuma berharap dengan jasa baik Kementerian ini supaya Kementerian ini dapat dengan seberapa daya upaya menyelidik dan carilah jalan bagaimana Kementerian ini boleh masuk campur sedikit untuk menyelesaikan masalah ini. Agama Islam ialah agama rasmi, Tuan Pengerusi. Perkara ini berat. Kita sama-sama bertanggungjawab, takkan kita hendak biarkan murid dengan tidak berguru agama sudah bertahun. Hingga hari ini ada seramai 46 jawatan kosong, tidak lama sebulan lagi dua tiga orang lagi pencen, empat lima bulan lagi berpuluh orang lagi pencen sehingga tidak ada guru agama di sekolah-sekolah.

Perkara yang akhir sekali ialah perkara biasiswa di bawah Kepala B. 29, muka surat 206, Pecahan-kepala 4100 di bawah Aktiviti

(8) (g). Tuan Pengerusi, di dalam kontrak biasiswa Federal ada suatu fasal (clause) yang mengatakan bahawa biasiswa ini boleh ditarik balik oleh pihak Kerajaan tanpa memberi sebarang sebab. Saya berpendapat Kementerian patutlah memikirkan semula clause ini, kerana clause ini adalah satu clause yang sangat merbahaya. Saya tahu tujuan Kerajaan mengadakan clause itu, tetapi ada juga kalanya tujuan baik itu membawakan mudarat kepada orang yang menerimanya. Ini kita harus kaji semula dan saya berani berkata perkara ini tidak baik oleh kerana ada contoh. Seorang penuntut Melayu telah dihantar ke United Kingdom; orang Melayu tidak ramai untuk mengambil Civil Engineering, ada segelintir sahaja bumiputra yang berkelulusan Civil Engineering dan penuntut ini adalah salah seorang bumiputra yang bernasib baik mendapat biasiswa untuk menuntut Civil Engineering. Sampai ke sana selepas tahun yang pertama beliau telah lulus peperiksaan dengan markah yang baik, tetapi beliau ini telah terlibat dengan seorang penuntut Melayu perempuan. Apabila telah terlibat ini; malangnya si perempuan ini telah melahirkan anak. Perkara penglibatan di antara jantina ini memang perkara biasa, tetapi tidak tahu macam mana malangnya, perempuan ini sampai melahirkan anak. Biasiswa ini telah ditarik balik, kerana clause yang saya sebutkan tadi. Jadi di manakah kebijaksanaan bagi pihak yang berkenaan, kalau menarik balik biasiswa penuntut ini?

Saya sudah sebut terutamanya dia penuntut bumiputra, hanya ada segelintir sahaja bumiputra yang belajar Civil Engineering. Jadi apabila ditarik balik biasiswanya, masa hadapannya gelap, penjaminnya kena bayar balik, dan bumiputra hilang seorang Civil Engineer. Kalau dia dengan si perempuan ini kerana mereka masih mencintai, kahwin pula hidup aman damai, maka tidak sengaja dia divictimise oleh Kementerian dengan sebab adanya clause ini tadi, Clause ini sangat kuat. Tidak ada peluang bagi dia untuk appeal, tidak ada peluang bagi bapanya untuk berjumpa dengan pihak yang berkenaan untuk membuat rayuan. Ini saya minta pihak Kementerian memikirkan balik perkara ini, dan penuntut ini sekarang ada di Kuala Lumpur. Saya berharap supaya beliau ini diberi

peluang semula, dikaji semula kesnya. Saya mengaku, Tuan Pengerusi, saya tidak menengok fail sulitnya, kerana saya tidak ada kemudahan seperti itu, tetapi setakat yang saya tahu beliau telah direkomenkan oleh Pengetuanya supaya menyambung pada tahun kedua. Mengapakah dibuang? Mengapakah ditarik balik biasiswanya sedangkan masalah yang dia terlibat itu masalah sosial semata-mata yang berlaku kepada tiap-tiap orang penuntut di luar negeri dan dalam negeri. Bukan masalah akademiknya; masalah akademiknya bagus, tidak ada kena mengena, tetapi kerana adanya clause ini, clause yang boleh menarik balik tanpa memberi alasan. Ini ibarat ikat kakī, ikat tangan—pukul, itulah contohnya; tidak ada kuasa dia untuk bergerak. Jadi saya harap Kementerian dapat memikirkan semula atas hal ini.

Tuan Pengerusi, saya menyokong sepenuhnya di atas peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini.

5.30 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran Belanjawan Kepala B. 29—Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bidang pelajaran pada ketika ini sudah lebih maju dan tersusun dan saya mengambil peluang mengucapkan berbanyak terima kasih atas usaha Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan pegawai-pegawai Kementerianya yang bersusah payah berusaha meningkatkan mutu pelajaran dan pendidikan yang telah dijalankan termasuklah pengenalan beberapa sistem moden dan sebagainya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Walau bagaimanapun, banyak lagi usaha perlu dijalankan agar beberapa pengalaman lebih baharu dapat disampaikan kepada golongan rakyat yang benar-benar memerlukan untuk mencapai pelajaran yang lebih tinggi sedangkan mereka tidak mempunyai peluang dan kesempatan. Pendek kata ramai masyarakat yang telah dewasa dan bekerja dengan Kerajaan dan swasta memerlukan dan ingin menyambung pelajaran mereka yang terkandas tetapi tidak mempunyai masa atau peluang berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, Kerajaan atau Kementerian patutlah menyediakan atau memberikan peluang bagi mereka untuk mendapat kemudahan-kemudahan asas atau peruntukan masa diberikan supaya dapat mereka melanjutkan pelajarannya. Saya fikir perkara ini boleh dijalankan di negara kita ini jika kemudahan-kemudahan lengkap disediakan oleh Kerajaan umpama membuka cawangan-cawangan di serata negeri, lengkap dengan kakitangan akademiknya, juru teknologi dan pentadbiran. Oleh itu para pelajar tidaklah payah pergi ke kampus. Ujian kelayakan tidak perlu dikenakan kerana penubuhan universiti itu bertujuan menyediakan kemudahan pelajaran tinggi kepada orang yang sudah dewasa. Ini boleh disertai, disokong atau diberi perkhidmatan oleh mass-media dalam rancangan pelajaran. Kalau ini dijalankan saya rasa dan saya berpendapat maka cepat dan lebih banyak lagi kita dapat memperolehi orang-orang intelek dalam negara kita.

Saya beralih pula ke muka surat 206, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (3)—Pelajaran Rendah dan Menengah. Saya rasa, saya perlu mengulang semula rayuan saya kepada Kementerian ini berkenaan dengan kelas Tingkatan VI bagi kawasan saya. Saya berpendapat jawapannya yang telah saya terima pada masa sudah masih tidak berapa puashati dan saya merayu lagi kepada Kementerian supaya benar-benar membuat kajian (survey) kerana jawapan yang telah diberikan pada satu ketika menyatakan murid tidak cukup. Selain daripada itu, mengatakan kesukaran perkara-perkara yang berkenaan seperti kelengkapan, guru-guru dan sebagainya. Sebabnya saya mendesak kerana baru-baru ini telah diadakan perjumpaan khas sekolah-sekolah di seluruh Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Mereka mendesak dan meminta saya menyuarakan perkara ini memandangkan begitu luasnya kawasan dua daerah ini iaitu daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor yang ada mempunyai beberapa sekolah menengah yang boleh mengeluarkan murid-murid untuk Tingkatan VI. Saya mendesak Kementerian terutama kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengkaji dan memberikan kemudahan kelas Tingkatan VI ini bagi

kawasan itu untuk menyelamatkan serba-serbi perbelanjaan, memberikan kemudahan dan sebagainya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini saya sendiri pastikan mengenai kelakuan sebahagian penuntut-penuntut sekolah menengah. Kementerian ataupun Kerajaan patutlah memandang perkara ini secara serius dan satu cara kawalan atau mencegah patut difikirkan supaya jangan terlambat kita mengatasi perkara kelakuan penuntut-penuntut ini.

Setengah-setengahnya sudah mula tidak segan atau sudah meluas iaitu merokok di tengah khalayak ramai dan pernah saya jumpa mereka minum beer di restoran dan sebagainya. Akhlak atau kelakuan yang semacam ini patut diatasi dan Kementerian patutlah memberi arahan dan minta kerjasama mencegah perkara ini daripada pengelola-pengelola restoran dan sebagainya terutamanya daripada Guru Besar supaya menyiasat budak-budak ini pada tiap-tiap hari supaya tidak meneruskan kelakuan yang demikian.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan pakaian. Saya datang daripada sebelah kampung, jadi sungutan ini secara pandangan orang kampung dan orang tua-tua di kampung iaitu berkenaan pakaian murid-murid atau penuntut-penuntut perempuan, bila bermain menggunakan seluar pendek. Ini tidaklah berapa digemari oleh orang kampung. Bagi penuntut-penuntut di sekolah menengah itu sudah dewasa sedikit iaitu anak dara sunti, kalau memakai seluar pendek bagi kita orang Melayu sudahlah terkeluar daripada adat. Kalau di sebelah pekan ini, saya rasa sudah tidak jadi hal. Tetapi kalau berkenaan dengan adat atau kebudayaan bangsa Melayu lebih-lebih lagi berkenaan dengan Ugama Islam sudah tentulah tidak sesuai dan tidak dipersetujukan. Ini patut dapat dibuat satu perubahan, ditentukan bentuk pakaian, khasnya kepada murid-murid perempuan supaya sesuai dengan kebudayaan dan ugama.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala yang sama berkenaan dengan rancangan pemakaian, pada ketika ini dilancarkan atau dijalankan dipilih satu dua sekolah bagi satu-satu daerah. Saya rasa sudah perlu dan merasakan satu kewajipan bagi Kementerian menjalankan rancangan ini pada tiap-tiap sekolah, terutamanya sekolah-sekolah di luar

bandar. Sebab kesihatan murid-murid adalah daripada ketentuan atau cara betul makanan yang digunakan dengan itu maka sihat badan adalah memberi kecergasan otak. Jadi, banyak sudah kita fahamkan iaitu murid-murid di luar bandar kerana keadaan ibu-bapanya miskin, makanannya tidak begitu tersusun atau teratur dan ada kalanya mereka ini tidak sempat hendak makan kerana duduk jauh di pedalaman dan sebagainya, jadi ini patutlah dijadikan satu matlamat Kementerian supaya memberikan cukup makan kepada murid-murid di luar bandar khususnya.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, saya perlu ulang lagi perkara rumah guru-guru di luar bandar. Saya katakan perkara ini mustahak dan patut benar Kementerian ini menjadikan satu dasar supaya guru-guru mendapat rumah berdekatan dengan sekolah. Baharu-baharu ini kita risau dan kita selalu katakan murid-murid ponteng sekolah tetapi guru-guru pun ada ponteng sekolah oleh sebab duduk jauh daripada sekolah kerana tidak ada rumah di kawasan sekolah. Ini mengikut keadaan tempat, Tuan Pengerusi, seperti tempat saya itu, iaitu kawasan sawah padi jalan pun tidak berapa baik, kalau musim hujan lecah dan guru duduk jauh dan hendak sampai ke sekolah biasanya ketinggalan masa, yang ruginya ialah murid-murid sekolah, dan pandangan masyarakat tidak elok, dikatakannya guru itu sengaja berbuat demikian. Saya merayulah supaya Kementerian ini dapat buat kajian kepada tempat-tempat yang memerlukan rumah untuk guru-guru.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membuat teguran-teguran, pandangan-pandangan dan syor-syor berhubung dengan masalah pelajaran di negara ini. Oleh itu, izinkan pula saya mengulas perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu yang saya fikirkan perlu diberi penjelasan.

Mula-mula saya ingin menyentuh teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap di antara perkara-perkara rumah-rumah guru di kawasan luar bandar, asrama-asrama dan kemudahan-kemudahan lain di sekolah luar bandar. Sebagaimana yang telah saya umumkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran sememangnya memberi keutamaan di kawasan-kawasan luar bandar terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian sememangnya mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah guru di sekolah-sekolah luar bandar. Untuk tujuan ini, Kementerian telahpun menyediakan peruntukan berjumlah \$15 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di dalam melaksanakan rancangan ini keutamaan akan diberi kepada sekolah-sekolah di kawasan-kawasan rancangan tanah seperti FELDA dan juga di kawasan-kawasan pedalaman.

Kementerian Pelajaran sememangnya menyedari akan kesulitan yang dihadapi oleh murid-murid di luar bandar yang tinggal jauh daripada sekolah-sekolah. Seterusnya Kementerian akan mengambil tindakan-tindakan perlu untuk membina lebih banyak lagi asrama-asrama bagi sekolah-sekolah yang demikian untuk menampung keperluan murid-murid yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam tahun 1977 nanti di negeri Kedah dua belok asrama lelaki perempuan akan dibina seperti di bawah ini:

Sekolah Menengah, Serdang,
 Sekolah Menengah, Kulim,
 Sekolah Menengah Datuk Syed Ahmad,
 Kuala Merang,
 Sekolah Menengah, Mahsuri,
 Sekolah Menengah, Sik.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran memberi bantuan kepada semua sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negeri. Untuk mengulas perkara ini, saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, bahawa Kementerian sememangnya memberi bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat yang memohon bantuan dan yang memenuhi syarat-syarat yang ditentukan. Di antara syarat-syaratnya ialah sekolah tersebut telah didaftarkan oleh pihak Penguasa Agama

Kerajaan Negeri, mempunyai bilangan murid tidak kurang dari 35 orang, mempunyai sukatan pelajaran yang diakui. Berkenaan dengan kadar bantuan sebagaimana yang telah saya umumkan baharu-baharu ini semasa menjawab Soalan Mulut di Dewan ini, mulai daripada awal tahun 1977 ini Kerajaan telah bersetuju untuk melipatgandakan kadar bantuan yang diberikan kepada sekolah ugama rakyat.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya Kedutaan Malaysia di luar negeri memberi jamuan dan penerangan kepada penuntut-penuntut kita di seberang laut, suka saya menyatakan bahawa perkara semacam ini telahpun dilakukan oleh Kedutaan-kedutaan yang berkenaan dari satu masa ke satu masa. Pada kebiasaannya apabila ada orang-orang kenamaan (V.I.P.) membuat lawatan ke Kedutaan dan juga Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia, selalunya mengatur rancangan untuk pelawat-pelawat tersebut berjumpa dengan penuntut-penuntut untuk memberi penerangan terhadap perkembangan-perkembangan terbaharu di tanahair. Walau bagaimanapun, tidak semua penuntut-penuntut dapat menghadiri perjumpaan-perjumpaan sedemikian oleh kerana ada setengah-setengahnya tinggal di tempat-tempat yang terpencil dan jauh dari Kedutaan atau Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan perkara pertukaran guru-guru yang mana telah dilakukan dengan cara yang tidak adil dan tidak saksama. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan di mana terdapat kejadian-kejadian hanya isteri-isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang menjadi guru ditukarkan ke bandar-bandar mengikut suami-suami mereka, sementara guru yang telah bertahun-tahun mengajar di kawasan pendalaman pertukaran mereka tidak diberi layanan. Dalam hubungan ini inginlah saya menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat itu tidak benar sama sekali. Adalah tidak benar hanya isteri-isteri pegawai-pegawai kanan Kerajaan sahaja telah ditukar di sekolah-sekolah di dalam bandar. Ingin saya tegaskan di sini bahawa semua isteri-isteri yang menjadi guru adalah layak untuk ditukar di sekolah-sekolah luar bandar di mana suami-suami mereka bertukar sekiranya ada kekosongan di sekolah di situ ataupun yang berdekatan. Perkara-perkara begitu memang sentiasa diberi pertimbangan kerana

Kementerian memang menyedari kesulitan-kesulitan yang terlibat sekiranya suami dan isteri tinggal berjauhan di antara satu dengan lain. Mungkin di dalam setengah-setengah kes pertukaran itu tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta kerana kadang-kadang tidak terdapat kekosongan di sekolah-sekolah yang dipinta. Kelewatan-kelewatan sedemikian tidak dapat dielakkan tetapi akhirnya mereka yang berkenaan dapat ditukarkan.

Inginlah juga saya memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa guru-guru yang telah berkhidmat lebih dari dua tahun di kawasan-kawasan pendalaman adalah layak untuk pertukaran dengan syarat mereka memohon untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, di dalam pertukaran guru-guru ini ingin saya tegaskan di sini bahawa ini merupakan perkara yang kompleks yang tidak dapat diselesaikan dengan sekelip mata sahaja. Semua aspek dipertimbangkan di dalam memproses sesuatu permohonan pertukaran itu. Apa yang terjadi sekarang adalah kebanyakan daripada guru-guru memohon pertukaran ke sekolah-sekolah di bandar atau sekolah-sekolah di kawasan yang mereka pilih sendiri. Sekiranya Kementerian melayan semua permintaan-pertukaran sedemikian, saya kira ini tidak berkesudahan dan pada akhirnya terdapat kejadian di dalam tidak cukup guru-guru yang berpengalaman dan berkelayakan di kawasan-kawasan luar bandar. Sekiranya ini berlaku tidak ada siapa yang rugi melainkan kita sendiri juga.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan perkara berkenaan dengan bantuan buku-buku teks. Dalam hubungan ini inginlah saya menyatakan sekali lagi, saya rasa sebelum ini saya telah beberapa kali mengulang perkara yang sama samada di dalam masa soal-jawab ataupun dalam masa perbahasan-perbahasan pada masa yang lalu bahawa semua murid-murid di sekolah rendah kebangsaan sekarang diberi pinjaman buku-buku teks percuma di bawah Sekim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pelajaran, dan langkah-langkah positif telah diambil bagi mengatasi kelambatan penerimaan buku-buku teks ini dengan mempercepatkan lagi pengeluaran buku-buku dan memperkemaskan lagi sistem pengedaran buku-buku tersebut dari penerbit ke sekolah-sekolah.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menggesa Kementerian Pelajaran untuk menyegerakan pembinaan ganti bagi sekolah-sekolah yang terlibat dalam pembinaan lapanganterbang Bayan Lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 5 buah sekolah terlibat dalam projek pembesaran lapanganterbang Bayan Lepas. Sekolah-sekolah itu adalah seperti berikut:

- (1) Sekolah Kebangsaan Permatang Damar Laut
- (2) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chan San
- (3) Sekolah Rendah Sri Permai
- (4) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Bayan Lepas
- (5) Sekolah Menengah Raja Tun Uda.

Dari 5 buah sekolah ini, sekolah (1) akan dibina dan pada masa ini tawaran telah dipanggil oleh Jawatankuasa. Sekolah ini akan didirikan di atas tapak seluas 6.58 ekar dan pengambilan balik tanah sudah diselesaikan. Berkenaan sekolah (2), sekolah ini adalah sekolah yang menerima bantuan modal. Berkenaan pembesaran lapanganterbang ini pihak sekolah telah menerima bayaran gantirugi sejumlah \$230,000. Oleh yang demikian, Kementerian tidaklah terlibat secara langsung untuk mendapatkan tapak sebagai ganti. Pada masa ini sekolah tersebut sudah mempunyai tapak sendiri. Berkenaan sekolah-sekolah (3), (4) dan (5) Kementerian telah disyorkan oleh Pengarah Pelajaran Negeri supaya kita mengambil sebahagian dari tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri seluas 32 ekar. Kementerian tidak dapat menyelesaikan masalah tapak ini oleh kerana keseluruhannya tapak ini ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk kegunaan mereka. Untuk Kementerian mengambil balik tapak seluas 32 ekar itu kita ada dikehendaki mewartakan semula untuk kegunaan mendirikan sekolah. Beberapa syarat juga dikenakan oleh Kerajaan Negeri mengenai memindahkan setinggan yang terdapat di atas tapak seluas 32 ekar itu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum masalah memindahkan setinggan-setinggan di Pulau Pinang amatlah rumit dan oleh itu perkara ini belumlah dapat diselesaikan sekarang.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh berkenaan murid-murid yang tidak termasuk dalam Sekim Pinjaman Buku Teks, perkara inipun saya sudah jawab tadi. Dari

keterangan-keterangan di atas nyatalah bahawa berkenaan sekolah di lapanganterbang Bayan Lepas ini, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu boleh menolong Kementerian ini berhubung dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya masalah tanah ini boleh dapat diselesaikan dengan segera.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran menyusun rancangan pelajaran pra-sekolah untuk kanak-kanak di luar bandar memandangkan kemudahan ini tidak terdapat di kawasan itu. Untuk mengulas soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu inginlah saya menyatakan bahawa buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak bertanggungjawab secara langsung ke atas kemudahan-kemudahan persekolahan di peringkat pra-sekolah. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak melupakan keperluan-keperluan kanak-kanak di peringkat ini, di daerah-daerah luar bandar. Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar melalui rancangan KEMAS (Kelas Kemajuan Masyarakat) ada menuhkan TADIKA (Taman Didikan Kanak-kanak) Khas untuk menampung keperluan-keperluan kanak-kanak luar bandar. Setakat ini kalau saya tidak salah lebih daripada 300 buah TADIKA jenis ini telah diwujudkan. Kementerian Pelajaran sejauh mana yang boleh memberi nasihat dan bantuan ikhtisas kepada rancangan-rancangan seperti ini. Satu projek percubaan dalam bidang ini di Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran sedang mengesan usaha berbagai rancangan-rancangan dan bahan-bahan bagi membantu rancangan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menggesa Kementerian Pelajaran untuk membuat kajian terhadap mereka yang memerlukan biasiswa kecil dan seterusnya memberikan biasiswa itu kepada mereka yang betul-betul mengkehendakinya. Di dalam hubungan pemberian biasiswa ini saya rasa pemberian telah dilakukan dengan cara yang begitu adil sekali. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat memberi biasiswa kepada semua murid-murid yang bersekolah kerana ini bergantung kepada peruntukan yang telah diluluskan dari setahun ke setahun. Pembahagian adalah ditapis dengan sehalusnya mengikut latihan dalam Borang Permohonan yang disahkan oleh Guru Besar, Orang Kenamaan meliputi Ahli-ahli Yang Berhormat dan Senator-senator, Pegawai Daerah

atau Penghulu. Permohonan biasiswa adalah berdasarkan kepada kemajuan pelajaran murid-murid dan pendapatan ibubapa. Mengikut analisa tahun 1975, ibubapa yang pendapatan lebih daripada \$700 sebulan, permohonan biasiswa mereka tidak dilayan. Oleh itu setahu saya murid-murid yang betul-betul memerlukan biasiswa itu telah dan akan diberi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah membangkitkan mengenai pelajaran nyanyian. Berhubung dengan perkara ini, sukacita saya nyatakan bahawa dalam tahun pertama semua guru-guru pelatih di Maktab Perguruan diberi pelajaran muzik sebagai mata pelajaran asas (basic). Dalam tahun kedua, ada guru-guru yang mengambil mata pelajaran muzik sebagai mata pelajaran pilihan (optional), di samping itu nyanyian adalah diajar sebagai satu mata pelajaran (subject) di semua sekolah rendah dan berupa sebahagian daripada kurikulum. Di dalam perkara ini saya tidak fikir nyanyian yang diajar kepada pelatih-pelatih di Maktab Perguruan dan nyanyi-nyanyian yang diajar oleh guru-guru kepada murid-murid itu adalah lagu-lagu pop. Setahu saya nyanyi-nyanyian yang diajar adalah nyanyi-nyanyian yang merupakan lagu-lagu patriotik kepada negara kita dengan senikata-senikata yang sesuai untuk menanam semangat cintakan tanahair, ibubapa dan senikata-senikata yang merupakan nasihat dan pelajaran kepada murid-murid kita sekalian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak juga menyentuh berkenaan bangunan sekolah menengah di kawasan yang cuma mengadakan kelas untuk Sains Am tetapi tidak untuk Sains Tulin. Sukalah saya menyatakan di sini, iaitu bila kita mendapat sebuah sekolah menengah, buat permulaannya barangkali kita akan mengadakan kelas Sains Am dahulu. Oleh kerana pada masa sekarang kita ada Sekolah Menengah Sains yang mana kita akan memberikan perhatian dan juga bantuan yang lebih kepada murid-murid kita supaya mereka boleh mendapat peluang memasuki ke Sekolah Menengah Sains. Jadi, sekolah-sekolah menengah yang lain barangkali bergantung kepada tempat dan juga bergantung kepada sekolah di mana mereka ini berasal daripada peringkat rendah yang kekurangan dalam pelajaran Ilmu Sains, barulah kita

menilai penubuhan samada sekolah menengah itu patut mempunyai Sains Am atau Sains Tulin.

Yang kedua, berkenaan kekosongan jawatan Guru Besar. Di sini suka saya menyatakan bahawa perkara ini telahpun dibincangkan dan Kementerian Pelajaran telah mengarahkan kepada tiap-tiap Pengarah Pelajaran Negeri supaya dapat mengendalikan perakuan-perakuan yang mana bakal-bakal guru boleh mengemukakan calon Guru Besar itu kepada Kementerian dan sekarang kita telah menerima perakuan-perakuan itu dan barangkali mulai tahun hadapan kita akan dapat menyelesaikan perkara kekosongan Guru Besar ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah meminta supaya elaun guru-guru pelatih sebanyak \$150 ditambahkan lagi kerana tidak mencukupi. Saya suka menyatakan di sini, elaun untuk penuntut-penuntut di Maktab-maktab Perguruan adalah diselarasakan dengan elaun untuk penuntut-penuntut lain di institusi pengajian tinggi. Jikalau ditambahkan elaun kepada pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut di maktab-maktab, maka ada kemungkinan elaun pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi yang lain akan terpaksa ditambahkan juga. Ini bermakna akan menambahkan lagi perbelanjaan mengurus Kementerian Pelajaran dan ini bermakna barangkali kita akan menaikkan atau meninggikan lagi cukai-cukai yang lain daripada rakyatnya. Ini adalah satu keadaan yang kita semua tidak suka. Pada masa sekarang penuntut-penuntut di maktab-maktab pun berpuashati dengan elaun sebanyak \$150 sebulan dan sehingga sekarang saya sendiri tidak menerima apa-apa rayuan.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh mengenai calon-calon untuk memasuki maktab perguruan. Mengikut pandangannya beliau berharap supaya lebih banyak lagi calon-calon daripada luar bandar diambil untuk memasuki maktab perguruan. Suka saya menyatakan di sini, untuk calon-calon yang layak memasuki maktab-maktab perguruan ini ianya mestilah dapat melalui temuduga yang diadakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (S.P.P.). Ini adalah satu badan yang bebas yang mana Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga saya sendiri tidak boleh campur tangan dalam hal ini. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan barangkali seorang penuntut dari luar

bandar yang cuma mempunyai Gred 3 sahaja lebih baik atau lebih tinggi jika dibandingkan dengan seorang penuntut dari bandar yang mempunyai Gred 2. Soal kelayakan, saya ingat ini tidak dijadikan satu sebab yang tunggal untuk memilih penuntut ini memasuki maktab perguruan, tetapi sifat-sifat yang lain atau kelayakan yang lain seperti personality, misalnya dalam masa temuduga itu penuntut yang akan menjadi guru kelak boleh bertutur, fasih bercakap ataupun berani bercakap di hadapan penal penemuduga itu. Inilah yang dikirakan kualitinya dan juga ukuran untuk memberikan kelayakan kepada seseorang penuntut itu.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan hasrat (concern) dari Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli yang berhormat itu juga menyentuh berkenaan dengan penagih dadah dan disiplin. Kedua-dua perkara ini boleh dikatakan telah menjadi perbualan di dalam masyarakat hari ini. Perkara ini kita semua tidak dapat menafikannya. Ini bolehlah dikatakan satu perkara yang mana jikalau kita tidak dapat mengusahakan bersama-sama supaya dapat dihapuskan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kes-kes seperti ini, barangkali masa hadapan negara kita akan menjadi satu keadaan yang buruk. Kementerian Pelajaran memandang berat atas perkara ini, oleh sebab kita sentiasa mengambil langkah yang positif supaya mengetatkan disiplin di sekolah-sekolah dan juga berkerjasama dengan pihak polis, Kementerian Kebajikan Am supaya dapatlah kita bersama-sama mengatasi atau mengawal perkara-perkara ini. Masyarakat umumnya juga bertanggungjawab. Seluruh masyarakat mestilah memikul tanggungjawab ini, tidaklah meninggalkan perkara ini kepada pihak Kementerian Pelajaran atau pihak sekolah sahaja.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh mengenai lewatnya bantuan yang diberi kepada Sekolah Ugama Rakyat, barangkali sampai akhir tahun, baru bantuan itu datang ke sekolah. Saya suka menyatakan di sini, iaitu bukanlah menjadi dasar Kementerian Pelajaran dengan sengaja melewati-lewatkan bantuan itu, oleh kerana barangkali kadang-kadang bila meminta bantuan, maka guru besar hendaklah mengisi borang, mencatatkan

bilangan murid-murid dalam sekolah dan sebagainya dan kadang-kadang ada yang disikan dalam borang itu tidak mengikut kehendak yang sebenar. Jadi ada borang dipulangkan semula oleh Kementerian Pelajaran dan mungkin menyebabkan kelewatan. Kita berharap mudah-mudahan guru-guru besar dan pihak sekolah yang berkenaan dapat mengambil berat berkenaan perkara ini supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada murid-murid.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyatakan tiga perkara. Yang pertama, berkenaan dengan sistem pengendalian rekod guru-guru terutama simpanan rekod fail adalah tidak tersusun dan katanya fail guru-guru di Selangor sahaja sudah meningkat 4,000 fail. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kita dapat memberikan kursus kepada Guru Besar supaya dapat mentadbirkan sekolah itu dengan lebih berkesan. Perkara ini saya suka menyatakan di sini iaitu pada masa sekarang, saya ingat tidak perlu kita memberi kursus kepada Guru Besar di INTAN oleh kerana di Kementerian Pelajaran kita pun ada menyusun atau mengadakan kursus-kursus untuk Guru Besar dalam masa cuti supaya mereka dapat lebih melengkapkan dengan pengetahuan dan juga lebih cekap lagi berkenaan dengan pentadbiran. Soal untuk memberikan kursus sahaja boleh menjadikan seorang guru besar lebih cekap barangkali tidaklah tepat juga, oleh kerana ada banyak Guru Besar yang tidak pernah dapat mengikuti kursus. Guru Besar itu pun ada kecekapan dalam pentadbiran sekolah. Walau bagaimanapun ini adalah suatu pandangan atau buah fikiran Ahli Yang Berhormat itu sahaja.

Yang kedua, berkenaan dengan menaikkan taraf I.T.M. kepada taraf universiti. Ahli Yang Berhormat itu mengetahui sedikit sebanyak berkenaan dengan latar belakang I.T.M. ini ditubuhkan, oleh kerana kita hendak melahirkan atau menghasilkan lebih banyak penuntut di bidang separa ikhtisas atau teknikal dan juga untuk kelulusan dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Barangkali setakat ini taraf itu adalah sesuai dengan masa sekarang, dan barangkali di masa hadapan kelak perkara ini boleh dikaji semula.

Berkenaan dengan rayuan supaya pengambilan penuntut bumiputra memasuki Kolej Tunku Abdul Rahman sebanyak 30%, sukalah saya menyatakan di sini setakat ini

pihak Kolej tidak mendapat permohonan yang lebih daripada penuntut Melayu. Jika ada, saya yakin bahawa Kolej ini boleh memberikan timbangan yang saksama atau yang bijaksana untuk perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada menyentuh beberapa perkara. Pertama, berkenaan dengan gaji Guru Besar sekolah menengah dan beliau meminta perkara ini dapat disegerakan. Dalam perkara ini, suka-lah saya menyatakan di sini iaitu perlaksanaan sekim gaji Guru Besar sekolah menengah mengikut "point system" terpaksa mengambil masa sedikit, oleh kerana sangat rumit. Ini disebabkan semua butir-butir yang betul dan lengkap mengenai perkhidmatan tiap-tiap seorang Guru Besar diperlukan daripada semua sekolah menengah di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa perlaksanaan gaji Guru Besar itu sedang diproses di Kementerian Pelajaran dan akan selesai pada akhir tahun ini.

Ahli Yang Berhormat itu menyentuh juga berkenaan dengan guru lepasan maktab yang akan berkhidmat di Sabah dan perjanjian dengan Kerajaan Sabah. Perkara ini telahpun dijawab di dalam Dewan ini tiga hari dahulu, dan saya tidak ingin mengulangkan lagi perkara ini, tetapi walau bagaimanapun usaha dari Kementerian Pelajaran telah dijelaskan yang mana kita akan menolong memohon kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya guru-guru yang terlibat itu dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh mengenai beberapa perkara berkenaan dengan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran. Yang pertama, berkenaan tarikh peperiksaan untuk penuntut-penuntut yang beragama Islam, tarikh peperiksaan itu dikatakan jatuh kepada hari kebesaran Islam. Perkara ini oleh kerana tarikh peperiksaan itu ditetapkan oleh pihak Cambridge University, ini di luar dari jagaan kita, tetapi bagaimanapun kita telah mengambil tindakan meminta pihak Cambridge supaya dapat sedikit sebanyak mengelakkan tarikh yang jatuh pada hari kebesaran Islam itu. Barangkali murid-murid yang terlibat tidak banyak dalam perkara ini.

Keduanya, Ahli itu ada menyentuh supaya keselamatan yang lebih ketat berkenaan dengan pengedaran kertas peperiksaan. Ini Kementerian Pelajaran sudah siasat dan

mengambil perhatian berat terhadap perkara ini. Pada masa sekarang, selain daripada pengedaran, semua Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan telah dilengkapi dengan bilik kebal supaya kertas-kertas peperiksaan boleh dikuncikan dengan baik dan selamat.

Satu perkara juga berkenaan dengan catitan nama calon-calon pada kertas jawapan peperiksaan H.S.C. atau S.T.P. Perkara ini kita pun buat permintaan kepada pihak Cambridge dan Cambridge sudah bersetuju daripada tahun 1977 semua kertas-kertas jawapan untuk H.S.C. dan S.T.P. cuma dapat ditulis dengan angka giliran dan juga kad pengenalan calon sahaja. Jadi tidak disebutkan nama-nama calon itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ada menyebutkan berkenaan dengan bayaran untuk peperiksaan diturunkan. Perkara ini kalau saya tidak silap saya telahpun jawab dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang lalu oleh kerana bayaran peperiksaan ini ialah satu ketetapan daripada pihak Cambridge, maka ini luar daripada jagaan kita. Kalau tidak silap saya untuk peperiksaan M.C.E. cuma dinaikkan lebih kurang \$10, itu tak banyak, oleh kerana inflasi yang berlaku di United Kingdom pada masa ini barangkali pihak Cambridge pun terpaksa menaikkan bayaran peperiksaan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada menyentuh berkenaan rumah guru. Rumah guru ini khasnya di luar bandar tentulah dapat perhatian yang berat daripada Kementerian Pelajaran khasnya rumah-rumah guru di rancangan FELDA dan juga di rancangan luar bandar. Pada masa ini kita ada setengah-setengah tempat di mana kita telah mendirikan rumah-rumah guru, tetapi tidak dapat guru-guru mahu tinggal di tempat itu. Oleh kerana masa itu ada pihak-pihak sekolah dan rayuan daripada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat tempat itu hendaklah membuat rumah-rumah guru itu tetapi tidak mentetapkan guru-guru mesti tinggal di situ. Bila dibuat rumah-rumah guru, guru-guru tidak dapat duduk di tempat itu oleh kerana mengikut perlaksanaan Lapuran Aziz, Kerajaan tidak bertanggungjawab memberikan rumah-rumah untuk mereka dan guru-guru boleh mencari tempat tinggal mereka. Oleh kerana negara kita telahpun membangun dalam masa kemakmuran dan kemajuan sudah meningkat

guru-guru pun barangkali suka tinggal di dalam bandar-bandar. Oleh sebab itu, ada rumah-rumah guru yang kosong. Walau bagaimanapun, kita berharap kalau tempat-tempat itu ada berkehendak didirikan rumah-rumah guru khasnya rayuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berharap mesti ditetapkan guru-guru tempat itu betul-betul hendakkan rumah-rumah guru itu. Jadi tidak membazirkan wang dan itu adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat juga.

Berkenaan tanah untuk sekolah, Ahli Yang Berhormat itu juga menyeru supaya tanah-tanah berdekatan dengan sekolah kita patut diambil dahulu sebelum kita mendirikan atau menambah bangunan sekolah dan sebagainya. Perkara ini barangkali caranya ketat, yakni satu cara yang betul, tetapi untuk secara prektikal ada kerumitan-kerumitan dan sebagainya dan juga barangkali kita pun tidak dapat membuat satu dasar yang umum supaya semua tanah dekat sekolah mesti diambil oleh kerana kalau khabar ini dikeluarkan barangkali boleh menjadi spekulasi oleh pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang diambil perhatian yang aktif oleh bahagian pembangunan kita dan kadangkala kita juga berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya bila ada masalah berkenaan tanah kita berharap Kerajaan-kerajaan Negeri boleh menolong atau membantu Kementerian Pelajaran supaya tanah-tanah yang kita hendak mendirikan sekolah atau meluaskan compound sekolah itu boleh dapat diselesaikan.

Yang Berhormat dari Setapak ada menyentuh berkenaan penuntut-penuntut kita sebelum pergi ke seberang laut dapat kursus orientasi supaya mereka lebih fahaman keadaan tanahair kita dan sebagainya. Saya ingat jika kita boleh buat tentu ini satu langkah yang cukup baik tetapi oleh kerana bila penuntut-penuntut kita yang terbesar sekali keluar negeri barangkali secara prektikal adalah susah hendak dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat itu menyebut supaya satu international school dapat didirikan di sini supaya orang-orang dari luar boleh dapat dicampurkan dalam sekolah itu. Kalau

tidak silap saya di Ibukota Kuala Lumpur ada dua buah Sekolah International. Jadi ada sekolah semacam itu di dalam negara kita dan tidak hendak mendirikan sekolah semacam itu.

Tuan Pengerusi: Saya mengingatkan Yang Berhormat iaitu ada dua minit lagi untuk menggulung, kalau tidak, anggaran perbelanjaan tidak dapat diluluskan hari ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Pengerusi, saya ada dua tiga perkara lagi, saya harap saya boleh memenuhi masa itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam ada menyentuh berkenaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di kawasannya, perkara ini saya akan menyiasat dan saya berharap boleh memberi jawapan kepada Yang Berhormat dari satu masa kelak.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling ada menyebut berkenaan latihan guru sementara. Perkara ini Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan saya juga beberapa kali ada mengumumkan bahawa jika semua guru-guru sementara yang ada mempunyai kelayakan minima, kita mesti memberikan latihan kepada mereka dan kitapun telah hadkan tiga tahun daripada tahun 1976 sehingga tahun 1978 supaya mereka jika dapat mempunyai kelayakan minima latihan akan diberi kepada mereka. Tuduhan berkenaan polis melarang demonstrasi itu tidak benar, sebab setahu saya mereka tidak langsung meminta permit untuk demonstrasi itu. Jadi tuduhan bahawa pihak polis tidak benarkan atau melarang mereka adalah tidak benar sekali.

Tuan Pengerusi, pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran dan juga Tanjong Karang tak dapatlah saya menyebutkan apa-apa oleh kerana masa tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang disebutkan oleh mereka itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memohon supaya peruntukan di bawah Kementerian Pelajaran untuk pengurusan dan untuk pembangunan dapat diluluskan. Sekian, Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,190,765,000 untuk Kepala B. 29 dan \$205,026,400 untuk Kepala B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual: dan wang sebanyak

\$274,887,574 untuk Kepala P. 29 dan \$99,265,000 untuk Kepala P. 30 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 29hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.